Pendakwa Raya lwn Kunalan a/l Kandasamy

A

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–6 TAHUN 2005
YAACOB MD SAM PK
11 FEBRUARY 2010

B

Keterangan — Keterangan berkaitan fakta dalam isu — Kerelevanan — Tingkah laku tertuduh selepas kejadian — Tuduhan membunuh — Tingkah laku tertuduh melarikan diri dari tempat kejadian dan menghilangkan diri — Sama ada relevan — Akta Keterangan 1950 s 8

C

Keterangan — Kawad pengecaman — Pelaksanaan kawad pengecaman — Sama ada tertuduh dicamkan dengan sempurna — Sama ada keterangan saksi-saksi pendakwaan kukuh dan saling menyokong

D

Keterangan — Saksi — Kegagalan pendakwaan memanggil saksi — Sama ada menjejaskan 'substratum' kes pendakwaan — Sama ada s 114(g) Akta Keterangan 1950 berbangkit

E

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Pembunuhan — Sama ada elemen-elemen di bawah s 302 dibuktikan — Sama ada kes prima facie dibuktikan di akhir kes pendakwaan — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap pertuduhan — Sama ada kes pendakwaan dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah

F

G

Tertuduh telah dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') kerana menyebabkan kematian seorang lelaki bernama Mahamad. Pada hari kejadian, lebih kurang jam 11 malam, tertuduh telah mengganggu SP8 semasa SP8 sedang berjalan pulang ke rumah. SP8 telah memarahi tertuduh. Ekoran itu, tertuduh telah menampar muka SP8. Melihat kejadian ini, si mati yang berada di kedai makan berdekatan telah datang dan menampar muka tertuduh. Tertuduh kemudiannya beredar dari tempat tersebut dengan menunggang motosikalnya. Si mati masuk semula ke kedai makan dan membawa bersama SP8 yang merupakan anak angkat si mati. Di kedai makan itu terdapat beberapa orang lain termasuk SP6 iaitu seorang pekerja si mati. Si mati kemudian telah menelefon rakannya, Raja untuk datang ke situ. Apabila Raja sampai, si mati telah mengajak Raja untuk pergi ke Kampung Dok bagi mencari tertuduh untuk menyelesaikan perselisihan. Ketika pemergian si mati, tertuduh telah datang semula ke kawasan kedai

H

I

makan tersebut dan mencari si mati. Tertuduh dilihat oleh SP6 dan SP8 membawa satu parang. Ketika itu, si mati dan Raja tiba semula ke kawasan kedai makan tersebut dan tertuduh telah terus meluru kepada si mati. Si mati cuba lari tetapi terjatuh dan terkena tetakan tertuduh di bahagian dada si mati. Kejadian itu disaksikan oleh SP6 dan SP8. Tertuduh kemudiannya melarikan diri. Tertuduh menafikan ada menetak si mati dan mengatakan Raja yang melakukannya.

Diputuskan, mensabitkan dan menghukum tertuduh dengan hukuman gantung sampai mati:

(1) Di bawah s 302, unsur-unsur yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan, ialah: (i) si mati telah meninggal dunia; (ii) si mati mati akibat kecederaan yang dialaminya; (iii) kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh; dan (iv) tindakan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian; atau tindakan tertuduh itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati yang dikenakan kecederaan itu; atau tindakan tertuduh dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati dan kecederaan tubuh badan itu adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian; atau tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya sangat ketara berbahaya sehinggalah ia berkemungkinan akan menyebabkan kematian, dan tertuduh melakukan tindakan tersebut tanpa sebarang alasan untuk mengambil risiko menyebabkan kematian atau kecederaan seperti yang dinyatakan (lihat perenggan 6).

(2) Di atas keterangan yang terdapat, mahkamah berpuas hati bahawa identiti si mati telah dicamkan secukupnya dan dibuktikan sebagai telah meninggal dunia (lihat perenggan 13).

(3) Keterangan SP3, iaitu doktor patologi yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati yang mengesahkan si mati mati disebabkan 'penetrating slash wound to the left chest'. Intipati pertuduhan yang si mati telah mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 15).

(4) Keterangan SP6 dan SP8 kukuh dan saling sokong menyokong. SP6 dan SP8 telah mengecamkan bahawa tertuduh adalah lelaki India yang bertengkar dengan SP8 dan menampar SP8 dan yang telah datang semula ke gerai tersebut dengan bersenjatakan parang dan kemudiannya telah menetak si mati dengan parang tersebut. Mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 sebagai saksi yang boleh dipercayai dan boleh diterima. Saksi-saksi tersebut bukanlah saksi yang berkepentingan (lihat perenggan 30).

(5) Pengecaman tertuduh oleh SP6 dan SP8 bukan dibuat hanya atas dasar tertuduh pernah dilihat sebelum itu atau pengecaman kaedah 'recognition' tetapi merupakan pengecaman bahawa tertuduh adalah orang yang telah menyerang dan menetak si mati semasa kejadian iaitu pengecaman kaedah 'identification'. Pengecaman kaedah 'dock identification' ini adalah keterangaan yang bersifat substantif. Mahkamah mendapati bahawa tidak mungkin berlakunya kesilapan identiti di dalam pengecaman ke atas tertuduh oleh SP6 dan SP8 (lihat perenggan 36).

(6) Kejadian tertuduh datang semula ke kedai tempat kejadian dengan membawa parang dan melibas-libaskan parang semasa membuat pertanyaan kepada SP6 tentang di mana si mati menunjukkan tertuduh mempunyai niat untuk mendapatkan orang yang telah menampamya. Setibanya si mati di gerai tersebut, tertuduh telah terus meluru kepada si mati dan mula menyerangnya adalah relevan dalam melihatkan perlakuan dan niat tertuduh. SP8 mengatakan semasa membuat tetakan itu tertuduh memegang parang dengan kedua-dua belah tangan. Kecederaan si mati adalah akibat daripada perlakuan tertuduh yang menetak si mati dan si mati mati akibat daripada perbuatan tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 300(c) Kanun (lihat perenggan 38).

(7) Jalur keterangan pembelaan bahawa Raja yang menerkam tertuduh dengan memegang parang tidak pernah dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa kes pendakwaan (lihat perenggan 89).

(8) Kegagalan memanggil Raja oleh pihak pendakwaan tidak menjejaskan 'subsratum' kes pendakwaan. Keterangan SP6 dan SP8 adalah nyata dan 'overwhelming'. Oleh yang demikian s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') tidak terpakai ke atas kes pendakwaan (lihat perenggan 119).

(9) Ketiadaan parang atau kegagalan mengemukakannya di mahkamah tidak menjejaskan kes pendakwaan. Keterangan SP6 dan SP8 serta SP3 adalah jelas bahawa kecederaan si mati adalah akibat daripada kecederaan di dada yang dialaminya dari tetakan parang. Mengikut SP3 kecederaan di dada si mati tersebut adalah konsisten dengan penggunaan senjata yang tajam ke atasnya (lihat perenggan 120).

(10) Tingkah laku tertuduh selepas kejadian yang telah melarikan diri dari tempat kejadian dan terus menghilangkan diri sehinggalah beliau ditangkap lebih kurang 1 tahun 10 bulan selepas tarikh kejadian adalah tingkah laku yang tidak memihak kepada tertuduh. Tingkah laku tertuduh tersebut sepadanan dengan ilustrasi yang terdapat di bawah perenggan (i) s 8 Akta (lihat perenggan 121).

(11) Keterangan pembelaan diri tertuduh dan saksi-saksi pembelaan gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes

pendakwaan. Perlakuan tertuduh juga bukanlah dalam melaksanakan satu pertahanan diri. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah (lihat perenggan 122).

[English summary

The accused was charged for committing an offence under s 302 of the Penal Code ('the Code') for causing the death of a man by the name of Mahamad. On the day of the incident, at approximately 11pm, the accused had disturbed SP8 while SP8 was walking home. SP8 scolded the accused. Following from that, the accused slapped SP8 of the face. Upon seeing this, the deceased who was at the nearby food stall came and slapped the accused on the face. The accused thereafter left the place on his motorcycle. The deceased then went into the food stall with SP8 who was his foster child. There were other people in the food stall including SP6 who was the deceased's worker. The deceased then telephoned his friend, Raja, to come there. When Raja arrived, the deceased invited Raja to go to Kampung Dok to look for the accused to settle the dispute. While the deceased had gone, the accused came back to the food stall and was looking for the deceased. The accused was seen by SP6 and SP8 to be carrying a machete. At that time, the deceased and Raja came back to the food stall and the accused attacked the deceased. The deceased tried to run away but fell down and was slashed on the chest by the accused. The incident was witnessed by SP6 and SP8. The accused then ran away. The accused denied to have slashed the deceased and said that Raja was the one who had done it.

Held, convicting and sentencing the accused to death:

(1) Under s 302, the elements which had to be proved by the prosecution for the charge was: (i) the deceased had died; (ii) the deceased died as a result of the injuries sustained by him; (iii) the death of the deceased was caused by the act of the accused; and (iv) the act of the accused which caused the death of the deceased was done with the intention of causing death; or the act of the accused was done with the intention of causing such bodily injuries as the appellant knew to be likely to cause the death of the deceased; or the accused caused them with the intention of causing bodily injuries and such bodily injuries were sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or the accused knew that his act was obviously dangerous that it would possibly cause death, and the accused had done the act without any reason to take the risk of causing the death or injuries as stated (see para 6).

(2) On the evidence, the court was satisfied that the identity of the deceased was sufficiently identified and proven to be dead (see para 13).

(3) The testimony of SP3, the pathologist who had conducted the post mortem on the body of the deceased had confirmed that the deceased died of the 'penetrating slashed wound to the left chest'. The essence of

the charge that the deceased had died of the injuries that he sustained had been proved by the prosecution (see para 15).

(4) SP6 and SP8's evidence was strong and corroborated each other. SP6 and SP8 had identified that the accused was the Indian man who had an argument with SP8 and had slapped SP8 and who had came again to the stall armed with machete and had slashed the deceased with the machete. The court admitted SP6 and SP8's testimony as credible and admissible. The witnesses were not interested witnesses (see para 30).

(5) Identification of the accused by SP6 and SP8 was not done on the basis of the accused was seen prior to that or the identification by way of recognition but it was identification that the accused was the person who had attacked and slashed the deceased during the incident ie identification by way of identification. The dock identification method was the evidence which was substantive in nature. The court found that there could never be a mistake of identity in the identification of the accused by SP6 and SP8 (see para 36).

(6) The incident of the accused coming back to the stall where the incident took place with a machete and swaying the machete, while enquiring from SP6 as to where was the deceased, showed that the accused had the intention of getting at the person who had slapped him. Once the deceased arrived at the stall, he had gone straight to the accused and started to attack him was relevant in showing the act and the intention of the accused. SP8 stated that while slashing the accused was holding the machete with both hands. The injuries of the deceased was caused by the act of the accused who had slashed the deceased and the deceased died of the act of the accused as provided under s 300(c) of the Code (see para 38).

(7) The line of evidence by the defence that Raja was the one who had attacked the accused with the machete had never been adduced by the defence during the prosecution's case (see para 89).

(8) The failure to call Raja by the prosecution did not affect the substratum of the prosecution's case. The evidence by SP6 and SP8 was clear and overwhelming. Thus s 114(g) of the Evidence Act 1950 was not applicable on the prosecution's case (see para 119).

(9) The absence of the machete or the failure to produce it in the court did not prejudice the prosecution's case. The evidence of SP6 and SP8 was clear that the injuries to the deceased were caused by the injuries to his chest which he suffered from the machete slash. According to SP3 the injuries on the chest of the deceased was consistent with the use of the sharp weapon on him (see para 120).

(10) The act of the accused running away from the scene of the incident after the incident and had gone into hiding until he was arrested about one year and ten months after the incident was an act which was not favourable to the accused. The act of the accused was not in line with the illustration provided under para (i) of s 8 of the Act (see para 121).

(11) The defence evidence of the accused and other defence witnesses had failed to raise any reasonable doubt to the prosecution's case. The act of the accused also was not one which was in the execution of self defence. The prosecution had proved the case beyond reasonable doubt (see para 122).]

Nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2812–2821.

Untuk kes-kes mengenai pelaksanaan kawad pengecaman, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1840–1843.

Untuk kes-kes mengenai keterangan berkaitan fakta dalam isu, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2364–2365.

Untuk kes-kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1520-1579.

Cases referred to

Abdul Aziz bin Mohd Sharif v PP [2009] 1 MLJ 526, MR (dirujuk)

Ahmad Najib Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)

Arumugam s/o Muthusamy v PP [1998] 3 MLJ 73; [1998] 3 CLJ 597, MP (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Chan Kwee Fong v PP [2010] 1 MLJ 441; [2010] 3 CLJ 671, MR (dirujuk)

Dalip Singh and Ors v The State of Punjab AIR 1953 SC 364 (dirujuk)

Dorai Pandian a/l Munian & Anor v PP [2009] 4 MLJ 525, MR (dirujuk)

Goh Ah Yew v PP [1949] MLJ 150; [1948] 1 LNS 13, MR (dirujuk)

Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)

Mat v PP [1963] MLJ 263, MT (dirujuk)

Megat Halim Megat Omar v PP [2009] 1 CLJ 154; [2009] 2 AMR 803, MR (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 (Rep), MA (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19 ; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)

PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)

PP v Norazam bin Ibrahim [2006] 3 AMR 524 (dirujuk)

PP v Nomezam Apandy bin Abu Hassan (No 2) [2008] 1 MLJ 681; [2008] 2 AMR 723 (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16, MT (dirujuk)
Sainal Abidin bin Mading v PP [1999] 4 MLJ 497; [1999] 4 CLJ 215, MR (dirujuk)
Saipuddin Abdul Aziz & 3 yang lain v PP [2009] 9 CLJ 364, MT (dirujuk)
Sunny Ang v PP [1966] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Teay Wah Cheong v PP [1964] MLJ 21, MT (dirujuk)
Teoh Hoe Chye v PP Yeap Teong Tean v PP [1987] 1 MLJ 220, MR (dirujuk)
Tengku Mahmood v PP [1974] 1 MLJ 110 (dirujuk)
Wong Chop Saow v PP [1965] 1 MLJ 247; [1964] 1 LNS 218, MT (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 9, 114(g)
Kanun Keseksaan ss 300, 300(c), 302
Kanun Prosedur Jenayah ss 180(1), 182A, 277, 399

Yagoo Subramaniam (Yagoo & Associates) bagi pihak tertuduh.
Muna bt Mohd Jaafar (Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri, Pulau Pinang) bagi pihak pendakwaan.

Yaacob Md Sam PK:

[1] Tertuduh dihadapkan dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16.02.2003 jam lebih kurang 11.30 malam, di hadapan Asrama Martel, Blok M, Taman Pelangi, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang dengan niat telah menyebabkan kematian MAHAMAD BIN ZAKARIYA No. KP: 580819-02-5673 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 10 orang saksi bagi membuktikan kes. Mereka ialah RF 91937 Kpl Dzulkarnain Bahari penjaga stor ekshibit ('SP1'), RF 66208 Kpl Othman Mohd Shah, jurugambar ('SP2'), Dr Lee Suk Kam, doktor patalogi ('SP3'), I 13584 Cif Insp Visvanathan a/l Paramasiwan, pegawai tangkapan ('SP4'), RF 99133 L/Kpl Mohayaddin bin Ali Mohd Noor, penjaga stor ekshibit ('SP5'), Marzuki bin Yunus, saksi tempat kejadian ('SP6'), Mohd Shahrom Azraf bin Mohamad, anak si mati ('SP7'), Nor Azah binti Aziz, saksi tempat kejadian ('SP8'), Martin William Fernandez pegawai penyiasat kes ('SP9') dan I 14150 Cif Insp Phang Meng Tuck, pegawai kawad cam ('SP10').

[3] Secara ringkasnya fakta kes pendakwaan disimpulkan seperti di bawah ini.

[4] Lebih kurang jam 11 malam sedang SP8 dalam perjalanan pulang berjalan kaki ke rumahnya selepas makan, SP8 telah didatangi oleh tertuduh yang menunggang sebuah motosikal. Tertuduh telah mengajak SP8 keluar bersiar dengannya bagi bersuka ria. SP8 yang tidak gemar dengan ajakan dan gangguan tertuduh itu telah memarahi tertuduh. Ekoran kata-kata SP8, tertuduh telah menampar muka SP8. Melihat kejadian tertuduh menampar SP8, si mati yang berada di kedai makan berdekatan telah datang ke tempat SP8 dan bertanyakan apa terjadi dan bertanya tertuduh mengapa tertuduh menampar SP8 seorang perempuan. Si mati kemudiannya telah menampar muka tertuduh. Ketika itu juga rakan tertuduh iaitu DW2 tiba di tempat tersebut dan cuba meleraikan perselisihan yang berlaku. Tertuduh dan DW2 kemudiannya beredar dari tempat tersebut dengan menunggang motosikal masing-masing. Si mati masuk semula ke kedai makan dan membawa sama SP8 yang merupakan anak angkat si mati. Di kedai makan itu terdapat juga beberapa orang lain termasuk SP6 iaitu pekerja si mati yang bekerja dengan si mati membuat kerja-kerja pembinaan kontraktor kecil. Semasa berada semula di kedai makan itu si mati telah menelefon rakannya seorang India bernama Raja untuk datang ke situ. Selang beberapa ketika Raja telah datang ke situ dengan menunggang motosikal. Si mati telah mengajak Raja untuk pergi ke Kampung Dok bagi mencari tertuduh untuk menyelesaikan perselisihan. Ketika pemergian si mati iaitu setelah lebih kurang 15 minit, tertuduh telah datang semula ke kawasan kedai makan tersebut dengan menunggang motosikal. Tertuduh dilihat oleh SP6 dan SP8 membawa satu parang sepanjang dua setengah kaki dan terdapat bahagian melengkok di bahagian hujung mata parang tersebut. Sebaik memberhentikan motosikalnya, tertuduh telah mengambil parang dari raga motosikalnya dan meluru ke arah SP6 yang duduk semeja dengan SP8 sambil melibas-libaskan parang tersebut dan bertanya 'mana satu yang tampar dia tadi'. SP6 dan SP8 menjadi takut dan SP6 memegang kerusi bagi mengelakkan dirinya jika tertuduh menghayunkan parang kepadanya. Tertuduh kemudian meluru pula ke arah rakan SP6 bernama Nor Asmadi yang sedang duduk di atas motosikal di luar kedai makan itu dan bertanyakan soalan yang sama dan Nor Asmadi menjawab 'dia carilah you lah di Kampung Dok'. Tertuduh mengacukan parang kepada Nor Asmadi dan Nor Asmadi lari datang kepada SP6. Ketika itu juga si mati dan Raja tiba semula ke kawasan kedai makan tersebut. Tertuduh telah terus meluru kepada si mati yang masih berada di atas motosikal yang ditunggang oleh Raja dan tertuduh melibas-libaskan parang. Si mati cuba lari tetapi terjatuh apabila sebelah kakinya tersangkut kepada motosikal Raja. motosikal yang ditunggang oleh Raja juga turut jatuh. Si mati kemudian merangkak bagi mengelakkan libasan parang oleh tertuduh tetapi terjatuh semula. Sedang si mati hendak bangun dan memalingkan badan satu tetakan tertuduh yang menggunakan kedua-dua tangan telah mengenai bahagian dada si mati. Kejadian bagaimana

tertuduh menetak si mati disaksikan sendiri oleh SP6 dan SP8. Tertuduh kemudiannya melarikan diri. SP6 dan SP8 serta merta membawa si mati ke Hospital Seberang Jaya dengan menaiki kereta rakan SP6 tetapi si mati mati sebelum sempat tiba di hospital. Bedah siasat mengesahkan si mati mati disebabkan *penetrating slashed wound to the chest*. Mahkamah akan menurunkan dengan terperinci keterangan kes pendakwaan di bawah nanti.

[5] Di akhir kes pendakwaan, timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana telah menawarkan sejumlah 12 orang saksi kepada pihak pembelaan.

UNSUR ATAU INTIPATI PERTUDUHAN DI BAWAH S 302

[6] Unsur-unsur yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan, ialah:

(a) si mati telah meninggal dunia;

(b) si mati mati akibat kecederaan yang dialaminya;

(c) kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh;

(d)

(i) tindakan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian; atau

(ii) tindakan tertuduh itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati yang dikenakan kecederaan itu; atau

(iii) tindakan tertuduh dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati dan kecederaan tubuh badan itu adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian; atau

(iv) tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya sangat ketara berbahaya sehinggalah ia berkemungkinan akan menyebabkan kematian, dan tertuduh melakukan tindakan tersebut tanpa sebarang alasan untuk mengambil risiko menyebabkan kematian atau kecederaan seperti yang dinyatakan (lihat kes *Public Prosecutor v Nomezam Apandy bin Abu Hassan (No 2)* [2008] 1 MLJ 681; [2008] 2 AMR 723,*Public Prosecutor v Norazam bin Ibrahim* [2006] 3 AMR 524; *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497; [1999] 4 MLJ 497, *Chan Kwee Fong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 441; [2010] 3 CLJ 671).

BEBAN BUKTI PENDAKWAAN

[7] Beban pihak pendakwaan adalah untuk membuktikan satu kes prima

facie terhadap tertuduh ke atas pertuduhan kes sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah.

[8] Tugas hakim bicara di akhir kes pendakwaan adalah untuk membuat penilaian maksima ke atas kes pendakwaan seperti mana yang telah digariskan panduannya dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734.

[9] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan, seperti berikut:

(i) At the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) Ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) After the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) After the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

PENILAIAN KE ATAS UNSUR-UNSUR PERTUDUHAN DAN KETERANGAN

[10] Di atas panduan yang diberikan oleh prinsip undang-undang yang diputuskan oleh kes-kes autoriti di atas, mahkamah menimbangkan kes pendakwaan dan melihat jika intipati-intipati atau unsur pertuduhan telah berjaya dibuktikan.

Unsur pertama: Suatu kematian telah berlaku

[11] Peguambela yang bijaksana menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah tidak membawa keterangan terhadap pengecaman identiti si mati sebagai Mahamad bin Zakariya. Peguam juga menghujahkan anak si mati iaitu SP7 telah tidak diminta membuat pengecaman ke atas mayat si mati. Peguam juga menghujahkan SP7 di dalam keterangannya tidak ada mengatakan ada memberi maklumat identiti si mati kepada sesiapa. Peguam juga menghujahkan pegawai penyiasat iaitu SP9 juga tidak menyatakan dari mana

beliau mendapat kad pengenalan si mati bagi butiran diri si mati. Peguam merujuk kepada kes *Teay Wah Cheong v Public Prosecutor* [1964] MLJ 21 bagi menyokong hujahannya.

[12] TPR yang bijaksana menghujahkan pengecaman ke atas si mati telah dibuat oleh saksi SP6 dan SP8 semasa kedua-dua saksi dibenarkan untuk dipanggil semula oleh pihak pendakwaan. TPR juga mengatakan mayat si mati telah dicamkan oleh anaknya SP7. TPR merujuk kepada kes *Abdul Aziz bin Mohd Sharif v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 526 bagi menyokong hujahannya.

[13] Mahkamah meneliti keterangan pendakwaan dalam perkara ini. SP3 (Dr Lee Suk Kam) iaitu doktor patalogi mengatakan pada 17 Februari 2003 jam 10.20 pagi beliau telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati bernama Mahamad bin Zakariya iaitu seorang lelaki berumur 44 tahun. Bedah siasat itu dijalankan atas permintaan Cif Insp Martin (SP9) yang memberikan SP3 satu borang permintaan (P17). Di dalam borang P17 iaitu Pol 31 telah dibutirkan maklumat identiti si mati sebagai Mahamad bin Zakariya, berumur 44 tahun dan KP No 580819-02-5673. SP3 telah menyediakan laporan bedah siasat (P12) yang mencatitkan mayat si mati telah dicamkan oleh Cif Insp Martin WF (SP9) serta oleh Mohd Sharoni Azraf bin Mahamad KP No 800622-09-5047 iaitu anak lelaki si mati (SP7). SP7 yang ketika itu berumur lebih kurang 23 tahun mengatakan si mati adalah bapa beliau. SP7 mengatakan beliau ada pergi ke Hospital Seberang Jaya pada malam kejadian dan mendapat pengesahan daripada doktor bahawa bapa beliau Mahamad bin Zakariya telah meninggal dunia. SP7 balik dari hospital tersebut kira-kira jam 3 pagi. SP8 pula mengatakan si mati yang mendapat kecederaan di dada telah di bawa ke Hospital Seberang Jaya tetapi meninggal dunia semasa berada di atas ribanya dalam perjalanan ke hospital. SP8 mencamkan Mahamad Zakariya adalah si mati yang sama yang dihantarnya ke hospital pada malam itu yang dikenali olehnya dengan panggilan Abang Mat. SP9 adalah pegawai penyiasat kes yang menghadiri bedah siasat mayat si mati mengatakan telah mendapatkan maklumat identiti si mati dari kad pengenalan si mati dan juga maklumat dari anak si mati (SP7). SP9 juga mengatakan mayat si mati telah dibuat pengecaman oleh SP7. Saksi SP6, SP7, SP8 dan SP9 juga telah mencamkan gambar mayat si mati seperti di eksh P14(3). Di atas keterangan yang terdapat, mahkamah berpuas hati bahawa identiti si mati telah dicamkan secukupnya dan dibuktikan sebagai telah meninggal dunia (lihat *Abdul Aziz bin Mohd Sharif v Public Prosecutor*. Dalam kes *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195 mahkamah telah menerima keterangan bahawa si mati telah dibuktikan sebagai telah mati dibunuh walau pun mayat si mati tidak dijumpai bagi pengecaman identiti mayat secara fizikal dilakukan.

Unsur kedua: Si mati mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya

[14] Peguam yang bijaksana menghujahkan keterangan SP3 tidak ada mengatakan kecederaan yang dialami oleh si mati, iaitu satu potongan kepada arteri adalah fatal. Peguam merujuk dan memetik nyataan daripada *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (23rd Ed) di ms 1080 bagi yang mengatakan:

> Where the appellant attacked the deceased with a knife giving the latter a single blow above the left clavicle, and the autopsy surgeon while certifying the existence of that wound also found that the superior venacava had been cut, the damage so caused being sufficient in the ordinary course of nature to cause death, it was held the solitary blow given by the appellant to the deceased being on the left clavicle, a non-vital part, it would be too much to say that the appellant knew that the superior venacava would be cut as a result of that wound. The fact that the venacava was cut must, therefore, be ascribed to a non-intentional or accidental circumstance and as the accused did not have the intention to cause the particular injury that had been caused, his conviction under s 302 must be set aside and he would be liable only under s 302 Part II.

[15] Keterangan telah dibawa dan dibuktikan melalui keterangan SP3 (Dr Lee Suk Kam) iaitu doktor patologi yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati yang mengesahkan si mati mati disebabkan *penetrating slashed wound to the left chest*. SP3 mempunyai kelulusan MBBS pada tahun 1992 dari University of Queensland, Australia dan mula bertugas sebagai pegawai perubatan kerajaan pada tahun 1995 di Jabatan Perubatan Hospital Seberang Perai. Selepas itu SP3 bertukar ke Hospital Besar Pulau Pinang dan kemudiannya pada tahun 1998 SP3 bertugas ke Jabatan Patologi di hospital yang sama. Pada tahun 1999 SP3 melanjutkan pelajaran dalam program *Masters* di Universiti Malaya bagi menjadi pakar patologi. Pada tahun 2003 SP3 mendapat ijazah *Masters* dalam bidang patologi. SP3 juga menjadi ahli MMC. Sejak tahun 1998 SP3 telah mengendalikan lebih kurang 150 bedah siasat dan biasa memberi keterangan di mahkamah dalam kes-kes inkues kematian. Ini adalah kali pertama SP3 memberi keterangan dalam kes bunuh.

[16] SP3 telah memberi keterangan bahawa bagi bedah siasat yang dibuatnya ke atas si mati Mahamad bin Zakariya, beliau diselia oleh pakar patologi kanan iaitu Dato' Dr Bhupinder Singh yang ada bersama ketika itu menyaksikan bedah siasat tersebut. SP3 telah memberi keterangan ke atas pemeriksaan mayat si mati yang dilakukannya dan ke atas jenis kecederaan yang telah dialami oleh si mati. Menurut SP3 si mati didapati mengalami kecederaan tikaman di dada dengan ukuran 6cm dalam (*depth*) dengan regangan 2.2cm keluasan (*width*). SP3 menyebutkan lokasi kecederaan tersebut adalah *located below the mid-clavicular region 11.5cm above and medial to the left nipple, and 3.5cm left of the suprasternal notch*, iaitu di bahagian tengah

dada. Dari pemeriksaan internal si mati, SP3 mendapati tulang rusuk yang kedua sebelah kiri dada telah terpotong dan bertakung dengan darah lebih kurang dua liter.

[17] Pemeriksaan oleh SP3 ke atas *thorax* si mati mendapati perkara berikut:

(a) *Rib cage: the left second rib had been cut through and through.*

(b) *Arteries: the left subclavian artery had been cut through and through.*

[18] SP3 mengatakan kecederaan luka tikaman yang dialami oleh si mati adalah konsisten dengan kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan senjata yang tajam seperti pisau atau parang atau sekeping gelas yang tajam. SP3 juga mengatakan terdapat satu arteri si mati yang terpotong iaitu *left subclavian* yang merupakan saluran darah yang menyalurkan darah ke dada dan kepala. SP3 mengatakan kecederaan yang dialami oleh si mati itu adalah *fatal in nature* kerana arteri yang terpotong telah menyebabkan kehilangan darah yang besar dan boleh menyebabkan kematian. Laporan bedah siasat oleh SP3 adalah seperti di eksh P12.

[19] Keterangan SP6 dan SP8 pula yang menyaksikan kejadian serangan ke atas si mati telah memberikan butiran bagaimana si mati mendapat kecederaan tersebut. SP6 melihat tertuduh menetak di bahagian hadapan dada si mati dengan parang yang terdapat seperti satu paruh yang berbentuk lengkong dihujungnya. SP8 mengatakan tertuduh menetak si mati di dada bahagian hadapan dengan parang yang terdapat lengkok di bahagian hujung hadapan dan semasa menetak itu tertuduh memegang parang tersebut dengan kedua-dua belah tangan. SP6 dan SP8 merujuk kepada parang yang sama iaitu parang yang dilihat dibawa oleh tertuduh semasa sampai dan dipegang serta dihayun semasa serangan ke atas si mati. SP8 juga telah memberikan keterangan bagaimana beliau cuba membantu si mati dan membawa si mati ke hospital selepas serangan tersebut. Si mati ketika itu mengalami pendarahan keluar yang banyak dan mati di atas riba SP8 semasa dalam perjalanan ke hospital Seberang Jaya. Gambar-gambar bedah siasat adalah seperti di P14 (1–7). Tiada kecederaan tubuh badan lain yang dialami oleh si mati kecuali kecederaan di bahagian dada akibat tetakan tersebut.

[20] Di atas keterangan oleh SP3, SP6 dan SP8 tersebut mahkamah berpuas hati bahawa intipati pertuduhan yang si mati telah mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Dalam membuat kesimpulan di atas, mahkamah juga berpuas hati ke atas kepakaran SP3 dan menerima keterangan beliau sebagai seorang pakar (*Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, *Wong Chop Saow v Public Prosecutor* [1965] 1 MLJ 247; [1964] 1 LNS 218).

Unsur ketiga: Kecederaan si mati telah disebabkan atau adalah hasil daripada perbuatan tertuduh

[21] Terdapat dua saksi kepada kejadian yang telah memberi keterangan. Mereka ialah SP6 (Marzuki bin Yunus) berusia 37 tahun semasa tarikh kejadian dan SP8 (Nor Azzah binti Aziz) berusia 22 tahun semasa tarikh kejadian.

[22] Menurut SP6 (Marzuki bin Yunus) beliau bekerja di syarikat si mati yang membuat perniagaan kontraktor pembinaan kecilan. Pada hari kejadian lebih kurang 10.30 malam SP6, si mati dan rakan lain bernama Hafiz dan Nor Asmadi telah pergi ke kedai makan di Taman Pelangi, Perai untuk minum. Tempat tersebut adalah sebuah gerai makan terletak berdekatan suatu simpang berdekatan dengan asrama Kilang Matel (Blok M) dan kawasan kedai diterangi dengan lampu kedai makan dan lampu jalan. Sedang SP6, si mati dan rakan-rakannya minum seorang perempuan yang SP6 memanggil dengan nama panggilan 'Adik' iaitu SP8 telah lalu di situ dan SP6 mengajak 'Adik' (SP8) minum. Ketika itu datang sebuah motosikal yang ditunggang oleh seorang lelaki India yang SP6 dan SP8 kenali dengan panggilan 'Sakai' iaitu tertuduh dan berlaku pertengkaran di antara SP8 dan tertuduh kira-kira lima meter dari tempat SP6 duduk. Di dalam pertengkaran itu tertuduh telah menampar muka SP8. SP6 kemudiannya mendengar SP8 berkata 'jangan ganggu saya'. Si mati yang melihat kejadian tersebut telah bangun dan pergi ke arah SP8 yang sedang bertengkar dengan tertuduh. Semasa si mati menuju ke tempat SP8 itu, SP6 melihat tertuduh sekali lagi menampar muka SP8. Ketika itu si mati telah tiba di tempat SP8 untuk meleraikan pertengkaran. Si mati telah bertanya kepada tertuduh mengapa menampar perempuan dan mengatakan kepada tertuduh tidak elok memukul perempuan. Tertuduh dan SP8 masih terus bertengkar. Si mati telah menampar tertuduh di bahagian muka. Ketika itu datang seorang lagi lelaki India dengan menaiki motosikal yang SP6 kenali dengan panggilan 'Magis' (DW2) tetapi tidak kenal sangat dengannya. 'Magis' juga cuba meleraikan pertengkaran SP8 dan tertuduh. Selepas itu tertuduh dan 'Magis' beredar dari situ dengan motosikal masing-masing. Sebelum beredar SP6 dapat mendengar perkataan dari salah seorang mereka yang berkata 'Lu orang bawak geng kita tidak takut'.

[23] Si mati kemudiannya datang semula ke gerai tersebut bersama SP8 dan mereka duduk di meja SP6. Selepas si mati memberi nasihat kepada SP8 supaya tidak bercakap kasar, si mati telah dilihat menghubungi seorang yang dipanggil dengan nama panggilan Raja. Lebih kurang 15 minit kemudian datang seorang lelaki India yang dipanggil Raja ke kedai makan tersebut dengan menaiki sebuah motosikal. Raja adalah rakan si mati. Raja telah duduk di meja SP6 yang mana si mati dan SP8 ada bersama. Si mati dan Raja telah berbual tentang kejadian yang berlaku dan bagaimana hendak menyelesaikan

pertengkaran di antara si mati dan 'Sakai'. Selepas itu Raja dan si mati beredar dari kedai tersebut dengan sebuah motosikal bagi tujuan pergi ke sebuah kampung yang dipanggil Kampung Dok untuk mencari tertuduh. SP6 terus berada di kedai tersebut bersama SP8.

[24] Lebih kurang 15 minit selepas si mati dan Raja beredar dari kedai makan tersebut, tertuduh dilihat telah datang semula ke kedai itu dengan menaiki sebuah motosikal. SP6 lihat cuma tertuduh sahaja yang datang dan tertuduh telah memberhentikan motosikal di hadapan kedai kira-kira tiga meter dari meja SP6. SP6 melihat dalam raga motosikal tertuduh terdapat sebilah parang. Tertuduh telah turun dari motosikal dengan memegang sebilah parang dan meluru kepada SP6 dan tertuduh bertanya 'mana satu yang tampar dia tadi'. Tertuduh bertanya itu kepada SP6 sambil melibas-libaskan parang. SP6 memegang kerusi tempat duduknya bagi bersedia mengelak jika tertuduh menetak SP6. Selepas itu tertuduh dilihat meluru pula kepada Nor Asmadi yang sedang berada di atas motor di luar kedai kira-kira tiga hingga empat meter dari tempat duduk SP6. SP6 mendengar tertuduh bertanya soalan yang sama 'di mana yang tampar dia tadi'. SP6 dapat dengar Nor Asmadi menjawab 'dia cari you lah di Kampung Dok'. SP6 melihat tertuduh mengacukan parang kepada Nor Asmadi dan Nor Asmadi telah lari ke meja SP6. Kejadian agak tegang ketika itu dan ketika itu si mati dan Raja telah sampai kembali ke kawasan kedai makan tersebut. Tertuduh yang melihat si mati dan Raja tiba telah terus meluru kepada si mati yang ketika itu masih berada di atas motosikal yang ditunggang oleh Raja. Tertuduh dilihat melibaskan parang ke atas si mati. Si mati cuba melarikan diri tetapi sebelah kaki si mati telah tersangkut di motosikal dan si mati jatuh. Si mati cuba bangun dan cuba lari tetapi jatuh semula. Ketika si mati sedang tertiarap dan dilihat sedang mengalih badan menelentang untuk berdiri, SP6 melihat tertuduh menetak si mati dengan parang sebanyak tiga kali dengan menggunakan parang yang dipegang di tangan kanan tertuduh dan tetakan ketiga tertuduh mengenai dada si mati. SP6 mengatakan dapat melihat dengan jelas tertuduh telah menetak si mati di bahagian badan si mati di arah dada. SP6 telah memberikan diskripsi parang tersebut yang panjangnya lebih kurang dua kaki dan di bahagian hadapan parang itu terdapat seperti satu bentuk paruh.

[25] Melihat si mati kena tetakan, SP6 dan Raja cuba meleraikan. Raja memegang tertuduh dan dapat memeluk tertuduh dari terus menetak si mati. Si mati cuba bangun tetapi rebah kembali. SP6 peluk dan pegang dada si mati dan melihat banyak darah keluar. SP6 telah serta merta membawa si mati ke hospital bersama SP8 dan Hafiz dengan menggunakan kereta Hafiz. Raja dan tertuduh masih di tempat kejadian semasa SP6 beredar membawa si mati.

[26] Keterangan SP8 pula mengatakan pada tarikh kejadian SP8 bekerja sebagai operator pengeluaran di Kilang Davies yang membuat lampu. Kilang

tersebut terletak di belakang Taman Pelangi, Perai. Pada malam kejadian, kira-kira jam 11 malam SP8 telah pergi keluar untuk minum ke satu gerai dipanggil gerai Pak Wan. Setelah selesai makan dan dalam perjalanan untuk balik ke rumah SP8 di Blok K yang tidak jauh dari gerai itu SP8 telah terserempak dengan seorang lelaki India iaitu tertuduh. Tertuduh telah ganggu SP8 dan mengajak SP8 untuk pergi makan dan *enjoy*. SP8 tidak tahu nama tertuduh tetapi mengatakan tertuduh sebelum itu pernah banyak kali mengganggu SP8. SP8 kemudiannya mengenalpasti tertuduh dengan panggilan nama 'Sakai'. SP8 telah menjerkah tertuduh dan berkata 'jangan ganggu saya, esok saya nak kerja, saya nak balik'. SP8 juga berkata kepada tertuduh 'awak siapa nak ajak saya pergi sana pergi sini'. SP8 mengatakan setelah beliau berkeras dengan tertuduh, tertuduh telah menampar muka SP8. Selepas SP8 kena tampar, si mati yang SP8 kenali sebagai 'Abang Mat' telah datang kepada SP8 dan tanya 'kenapa, dia buat apa pada awak'. Si mati juga bertanya 'awak maki apa pada dia'. Ketika itu tertuduh masih di situ. Selepas ditanya oleh si mati, SP8 mengatakan dia telah mengatakan 'babi anak haram jadah' kepada tertuduh. Si mati telah menumbuk tertuduh di bahagian muka. Ketika itu seorang lelaki India yang SP8 tidak kenali telah datang ke tempat tersebut dengan menaiki sebuah motosikal dan bertanya kepada tertuduh dalam bahasa Tamil yang SP8 tidak faham.

[27] Selepas itu tertuduh dan lelaki India itu beredar dari situ, SP8 telah mengikuti si mati semula ke kedai makan dan melihat si mati membuat panggilan telefon kepada Raja dan mendengar si mati berbual dengan Raja. Beberapa ketika kemudian Raja telah datang ke gerai tersebut dengan menaiki motosikal seorang diri. Raja telah datang kepada si mati dan kemudiannya si mati telah mengajak Raja untuk pergi mencari kedua-dua lelaki India tersebut.

[28] Menurut SP8 lagi, selepas lebih kurang 15 minit si mati dan Raja pergi, tertuduh telah datang semula ke kawasan gerai tersebut. Tertuduh datang berseorangan dengan menaiki motosikal dan terdapat sebilah parang di dalam raga motosikalnya. Tertuduh telah datang kepada tempat SP6 dan SP8 berada dan bertanya kepada SP6 'mana you orang punya kawan, mana you orang punya kawan'. Tertuduh bertanya sebanyak tiga kali. Ketika bertanya itu tertuduh ada membawa parang. SP8 memberikan diskripsi parang tersebut panjangnya lebih kurang satu depa dan pada hujung parang itu terdapat bahagian yang melengkok. SP8 mengatakan tertuduh telah menghayun parang tersebut ke arah mereka. SP8 duduk ketakutan. Tidak lama selepas itu si mati yang membonceng motosikal yang ditunggang oleh Raja sampai di gerai tersebut. Sesampai sahaja si mati dan Raja dan ketika Raja belum sempat menungkat motosikal, tertuduh telah datang dan menyerang si mati. Si mati cuba lari. motosikal yang ditunggangi Raja juga terbalik. Si mati dilihat merangkak-rangkak dari motosikal untuk menghala ke arah SP8 yang berada di meja makan dalam gerai bersama SP6 dan seorang laki rakan bernama

Abang Zaki. SP8 melihat tertuduh telah takik si mati di bahagian depan dada. Di hadapan mahkamah SP8 telah membuat demonstrasi bagi menunjukkan di bahagian dada beliau sebagai tempat tertuduh takik si mati. Semasa ditakik itu kedudukan si mati berdepan dengan tertuduh. SP8 mengatakan ketika sebelum kena takik itu, si mati telah dapat mengelak beberapa kali tetapi tetakan ketiga kena di bahagian depan. SP8 membuat demonstrasi di hadapan mahkamah menunjukkan cara tertuduh menetak si mati tiga kali iaitu hayunan parang kiri ke kanan dan ke hadapan. SP8 mengatakan tertuduh memegang parang dengan tangan kanan dan semasa menghayun parang tertuduh telah memegang parang itu dengan kedua-dua belah tangan. SP8 mengatakan setelah menetak si mati, tertuduh telah melarikan diri. SP8 kemudiannya telah pergi kepada si mati yang tergolek dan cuba mengangkat si mati tetapi gagal kerana berat dan ketika itu orang ramai telah datang berkerumun dan membantu mengangkat si mati masuk ke kereta. SP8 meletakkan si mati yang mengalami darah keluar yang banyak di atas ribanya di dalam kereta untuk membawa si mati ke Hospital Seberang Jaya tetapi si mati meninggal dunia semasa di atas riba SP8 ketika perjalanan ke hospital. Setelah menghantar si mati ke hospital, SP8 kemudiannya telah pergi ke balai polis Bukit Tengah, Bukit Mertajam bagi membuat laporan polis ke atas kejadian melalui Bukit Tengah Report 740/2003 ('P15').

[29] Laporan polis (P15) oleh SP8 yang dibuat pada jam 12.50 pagi 17 Februari 03 adalah berbunyi seperti berikut:

> Pada jam lebih 11.00 malam, 16/02/03 semasa saya dalam perjalanan balik ke rumah daripada kedai makan Pak Wan ke Blok K, Taman Pelangi, apabila sampai di hadapan Blok M, (Asrama Martel) 1 (L) India yang tidak dikenali memanggil saya dan ajak saya keluar bersamanya. Saya menolak pelawaan lelaki India tersebut. Lelaki India tersebut telah tampar saya dan semasa lelaki India tersebut mahu tampar saya kali kedua Abang Mat menghalang dan tumbuk lelaki India tersebut. Lelaki India tersebut terus berlalu dan pada jam lebih kurang 11.30 malam, 16/02/2003 lelaki India tersebut kembali semula dengan sebilah parang dan menetak Abang Mat. Abang Mat jatuh dan lelaki India tersebut melarikan diri. Saya bersama kawan Abang Mat membawa Abang Mat ke Hospital Seberang Jaya.

[30] Setelah meneliti dan menilai keterangan SP6 dan SP8 serta pemeriksaan balas pihak pembelaan ke atas mereka, mahkamah mendapati keterangan SP6 dan SP8 masih terus kukuh dan saling sokong menyokong. SP6 dan SP8 telah mengecamkan bahawa tertuduh adalah lelaki India yang bertengkar dengan SP8 dan menampar SP8 dan yang telah datang semula ke gerai tersebut dengan bersenjatakan parang dan kemudiannya telah menetak si mati dengan parang tersebut. Mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 sebagai saksi yang kredibel dan boleh dipercayai. Keterangan SP6 dan SP8 konsisten dan tidak goyah walau pun dicabar dengan soalan-soalan balas oleh peguam yang bijaksana. SP8 menafikan dengan tegasnya bahawa beliau adalah

A seorang GRO di dangdut berhampiran. SP8 mengatakan pada tarikh kejadian beliau bekerja sebagai pekerja kilang Davies di Perai.

Adakah SP6 dan SP8 saksi yang berkepentingan?

B **[31]** Peguam yang bijaksana menghujahkan keterangan SP6 sebagai pekerja si mati dan SP8 sebagai anak angkat si mati wajar ditolak kerana mereka adalah saksi yang berkepentingan. Peguam juga menghujahkan SP8 masih marah dan berdendam dengan si mati terhadap kejadian yang berlaku iaitu kejadian di mana tertuduh menampar SP8. Peguam merujuk kepada kes *Tengku Mahmood* C *v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110 bagi menyokong hujahannya.

[32] Mahkamah mempertimbangkan hujahan peguam yang bijaksana tersebut. SP6 dan SP8 adalah saksi kejadian. Keterangan oleh SP6 dan SP8 D adalah dari apa yang mereka sendiri lihat dan mengalaminya semasa kejadian tersebut. Mereka adalah saksi-saksi yang kompeten. Mahkamah tidak mendapati saksi-saksi SP6 dan SP8 tersebut sebagai mengada-adakan keterangan atau menokok tambah keterangan. Mahkamah melihat kedua-dua saksi tersebut adalah saksi yang jujur di dalam memberi keterangan dan tidak E mempunyai apa-apa motif dengan mengada-adakan cerita terhadap tertuduh. Walau pun SP8 mengatakan masih berasa marah ke atas tertuduh yang kerap mengganggunya, tetapi ianya hendaklah diambil dalam konteks gangguan tertuduh ke atas SP8 dan bukan bagi kejadian tetakan yang dilakukan ke atas si mati yang mana SP8 telah dapat memberikan keterangan yang jelas F bagaimana kejadian tersebut telah berlaku. Begitu juga keterangan oleh SP6 tentang kejadian tersebut adalah juga jelas. Mahkamah dapati saksi-saksi tersebut bukanlah saksi yang berkepentingan (lihat kes *Dorai Pandian a/l Munian & Anor v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 525; *Dalip Singh and Ors v The State of Punjab* AIR 1953 SC 364).

G *Adakah terdapat salah pengecaman ke atas tertuduh oleh SP6 dan SP8?*

[33] Mahkamah telah meneliti keterangan SP6 dan SP8 yang diberikan berkaitan kejadian sebelum serangan dan semasa serangan dan mendapati H dengan keadaan-keadaan yang terdapat seperti cahaya lampu kedai dan lampu jalan di tempat kejadian yang terang, jarak di antara SP8 dan tertuduh yang sangat hampir hingga membolehkan tertuduh menampar muka SP8, jarak di antara SP6 yang berdekatan dengan tempat tertuduh mula-mula berjumpa SP8 dan menampar SP8 yang dapat dilihat jelas oleh SP6, jarak SP6 dengan I tertuduh yang melibas-libaskan parang dan bertanya kepada SP6 tentang ke mana perginya si mati serta tempoh lama SP6 dan SP8 dapat melihat tertuduh pada kali pertama tertuduh tiba di kawasan berhampiran kedai makan itu dan kali kedua apabila tertuduh tiba dengan membawa parang dan melibas-libaskan parang ke atas SP6 dan Nor Asmadi, mahkamah berpuas hati

pengecaman tersebut adalah berkualiti dan diterima sebagai kredible. Tertuduh adalah lelaki India yang sama yang datang kali pertama dan menampar SP8 dan datang semula ke kedai itu kali keduanya bagi mencari si mati.

[34] Dalam perkara pengecaman oleh SP8 ke atas tertuduh, mahkamah berpuas hati pengecaman telah dibuat dengan berkualiti berdasarkan kepada perkara berikut:

(a) tertuduh adalah orang yang bertengkar dengan SP8 kira-kira setengah jam sebelum kejadian serangan ke atas si mati;

(b) jarak tertuduh dan SP8 semasa pertengkaran adalah dekat;

(c) kedudukan tertuduh semasa menampar SP8 yang pastinya hampir bagi membolehkan tangan tertuduh menampar muka SP8 sebanyak dua kali;

(d) cahaya lampu jalan dan lampu kedai terang pada malam kejadian untuk membolehkan SP8 dapat melihat muka tertuduh;

(e) tertuduh sudah biasa dilihat oleh SP8 apabila pernah beberapa kali mengganggu SP8;

(f) tertuduh datang semula ke tempat itu dan datang kepada SP6 bagi bertanyakan tentang orang yang telah menamparnya yang mana pada ketika itu SP8 ada bersama SP6;

(g) SP8 dapat melihat tertuduh terus berada di kawasan gerai itu dengan memegang parang apabila si mati tiba;

(h) SP8 dapat melihat tertuduh menyerang si mati dan menetak si mati sebelum melarikan diri.

[35] Bagi SP6 kualiti pengecaman tersebut diterima berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

(a) SP6 dapat melihat tertuduh pada jarak lima meter semasa tertuduh bertengkar dengan SP8;

(b) SP6 dapat melihat tertuduh dua kali menampar SP8;

(c) SP6 dapat melihat si mati menumbuk tertuduh selepas tertuduh menampar SP8 kali kedua;

(d) SP6 dapat melihat tertuduh semasa tertuduh datang kali kedua ke ke kedai makan tersebut;

(e) SP6 dapat melihat tertuduh semasa tertuduh datang bertanyakan di mana orang yang menamparnya;

(f) SP6 dapat melihat tertuduh melibas-libaskan parang yang menyebabkan SP6 mengambil kerusi bagi mengelakkan diri dari terkena libasan tersebut;

(g) SP6 dapat melihat tertuduh pergi kepada rakan SP6 bernama Nor Asmadi bagi bertanyakan di mana orang yang menamparnya;

(h) SP6 dapat melihat tertuduh terus berada di tempat tersebut apabila si mati tiba;

(i) SP6 dapat melihat tertuduh menyerang dan menetak si mati;

(j) SP6 cuba meleraikan kejadian dengan mendekati si mati dan tertuduh;

(k) SP6 dapat melihat tertuduh dapat dipeluk oleh Raja;

(l) keadaan cahaya di tempat kejadian adalah terang oleh lampu gerai dan lampu jalan.

[36] Pengecaman oleh SP6 dan SP8 tersebut bukan dibuat hanya atas dasar tertuduh pernah dilihat sebelum itu atau pengecaman kaedah *recognition* tetapi merupakan pengecaman bahawa tertuduh adalah orang yang telah menyerang dan menetak si mati semasa kejadian iaitu pengecaman kaedah *identification*. Semasa SP6 dan SP8 memberi keterangan di mahkamah, kedua-dua saksi juga dengan secara pasti dapat mencamkan tertuduh sebagai orang yang menyerang dan menetak si mati. Pengecaman kaedah *dock identification* ini adalah keterangaan yang bersifat substantif (lihat *Ahmad Najib Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800; *Arumugam s/o Muthusamy v PP* [1998] 3 MLJ 73; *Dorai Pandian a/l Munian & Anor v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 525). Mahkamah mendapati pengecaman oleh SP8 disokong oleh keterangan SP6 yang juga dapat mengecami tertuduh. Lebih tepat lagi kedua-dua keterangan SP6 dan SP8 saling sokong menyokong dalam hal pengecaman ke atas tertuduh. Setelah mahkamah menilai keterangan yang ada dan faktor-faktor yang membolehkan pengecaman tertuduh dilakukan oleh SP6 dan SP8 dan memberi amaran dan mengingatkan kepada kemungkinan terjadinya kesilapan pengecaman oleh saksi-saksi tersebut walau pun secara yang jujur, tetapi setelah meneliti fakta-fakta yang ada, mahkamah mendapati dan membuat kesimpulan bahawa tidak mungkin berlakunya kesilapan identiti di dalam pengecaman ke atas tertuduh oleh SP6 dan SP8 tersebut seperti mana yang mahkamah ini telah huraikan terhadap faktor-faktor bagi membolehkan pengecaman tersebut telah dibuat dengan berkualiti. Di atas fakta-fakta yang ada, mahkamah tiada sebab untuk menolak atau meragui ke atas pengecaman yang dilakukan oleh SP6 dan SP8 tersebut dan dengan itu menerimanya tanpa keraguan. Kesimpulannya mahkamah berpuas hati bahawa unsur ketiga pertuduhan telah berjaya dibuktikan.

Unsur keempat: Adakah tertuduh punyai niat atau mens rea untuk menyebabkan kematian si mati

[37] Pembuktian mens rea dalam kes bunuh boleh dilihat dengan berpandukan kepada panduan yang diberikan dalam kes *PP v Norazam Ibrahim* dan *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor*. Niat tersebut juga boleh dibuat inferens dari kedaaan-keadaan yang ada dan perbuatan actus reus tertuduh, jenis senjata yang digunakan dan jenis (*nature*) serta kecederaan yang telah ditimpakan ke atas si mati.

[38] Kejadian tertuduh datang semula ke kedai tempat kejadian dengan membawa parang dan melibas-libaskan parang semasa membuat pertanyaan kepada SP6 tentang di mana orang yang telah menamparnya melihatkan tertuduh mempunyai niat untuk mendapatkan orang yang telah menamparnya. Setiba si mati di gerai tersebut, tertuduh telah terus meluru kepada si mati dan mula menyerangnya adalah relevan dalam melihatkan perlakuan dan niat tertuduh. Tertuduh terus menyerang si mati yang telah terjatuh berdekatan motosikal semasa mengelak dan melarikan diri dari serangan tertuduh tetapi satu daripada tiga tetakan tertuduh telah kena pada bahagian dada hadapan si mati. SP8 mengatakan semasa membuat tetakan itu tertuduh memegang parang yang mempunyai lengkok di bahagian hujung hadapan parang dengan kedua-dua belah tangan. SP3 doktor patalogi mengatakan kecederaan tersebut adalah *fatal in nature* kerana satu dari arteri si mati terpotong menyebabkan berlaku pendarahan keluar yang besar.

[39] Keterangan SP8 tentang kejadian tetakan mengatakan:

> OKT tetak beberapa kali dan Abang Mat dapat mengelak tapi kali ketiga kena di bahagian depan. OKT pegang parang di tangan kanan dan dia juga masa hayun parang telah pegang parang itu dengan kedua-dua belah tangan. Lepas OKT tetak Abang Mat, OKT telah lari. Saya tak tahu ke mana OKT lari. Saya nampak Abang Mat tergolek dan saya telah pergi kepada Abang Mat untuk angkat Abang Mat tapi dia berat. Selepas itu ramai orang lain datang berkerumun dan lihat saya tak boleh angkat Abang Mat. Selepas itu saya telah lari ke arah kereta Iswara warna hijau dan saya masuk kereta itu untuk orang yang angkat Abang Mat letak Abang Mat atas riba saya dalam kereta itu. Saya ajar Abang Mat untuk mengucap. Dalam perjalanan untuk pergi ke hospital Abang Mat telah meninggal dunia. Dia meninggal dunia atas riba saya.

[40] Keterangan SP7 tentang tetakan mengatakan:

> Sakai terus meluru kepada si mati sambil melibaskan parang. Masa itu si mati atas motor dan si mati cuba melari dari tetakan Sakai. Si mati cuba lari untuk cari tempat berlindung. Lepas itu saya lihat si mati tersangkut di motor. Saya nampak si mati jatuh. Dia cuba bangun dan cuba lari. Lepas itu dari meja saya lebih kurang lima

meter si mati jatuh balik. Dia tergelincir jatuh dan cuba nak bangun. Masa itu saya nampak Sakai tetak dengan parang. Masa kena tetak si mati yang pada mulanya tertiarap masa jatuh telah dalam keadaan menelentang badan untuk elak tetakan. Saya nampak si mati sedang mengalih badan menelentang, Sakai telah tetak tiga kali. Dia tetak dengan gunakan parang. Sakai pegang parang dengan tangan di sebelah kanan. Saya nampak jelas kerana dekat dengan saya. Parang itu lebih kurang dua kaki panjang. Di bahagian depan parang ada satu macam paruh. Saya lihat Sakai telah menetak di bahagian badan si mati iaitu arah dada.

[41] Sakai yang dimaksudkan oleh SP6 dan SP8 adalah merujuk kepada tertuduh. Keterangan SP6 dan SP8 adalah saling sokong menyokong berkaitan kejadian tetakan tersebut yang telah mencederakan si mati. SP6 dan SP8 adalah saksi mata yang melihat kejadian yang berlaku sebelum serangan, semasa serangan dan sesudah serangan itu. Tertuduh telah menggunakan kedua-dua tangan bagi memegang parang dan menghayunkan kepada si mati. Parang tersebut dengan panjang lebih kurang dua setengah kaki dan mempunyai lengkok di hujungnya. Tertuduh tahu apakah akibat jika tetakannya itu mengenai si mati. Dari keterangan yang telah diberikan oleh SP3, SP6 dan SP8 tersebut, mahkamah berpuas hati bahawa tertuduh mempunyai mens rea bagi menimpakan kecederaan yang boleh menyebabkan kematian si mati dari cara serangan dan tetakan yang dilakukan dengan menggunakan senjata parang semasa serangan itu. Oleh yang demikian unsur keempat pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Isu kawad cam

[42] TPR yang bijaksana telah memanggil SP10 bagi memberi keterangan tentang kawad cam yang dibuat oleh beliau. SP10 mengatakan beliau ada mengendalikan kawad cam di atas permintaan SP9. SP6 serta SP8 telah menghadiri kawad cam tersebut. Semasa SP9 (pegawai penyiasat) memberi keterangan TPR yang bijaksana tidak ada bertanyakan apa-apa tentang kawad cam jika ada dibuat. SP6 dan SP8 juga tidak pernah ditanyakan oleh TPR semasa mereka memberi keterangan tentang kawad cam jika mereka ada menghadirinya. SP10 mengatakan hasil daripada kawad cam tersebut beliau ada menyediakan laporan kawad cam.

[43] Peguam yang bijaksana menghujahkan keterangan kawad cam tersebut adalah cacat untuk diterima sebagai keterangan di atas alasan tiada butiran oleh SP9, SP6 dan SP8 tentang kawad cam tersebut semasa mereka memberi keterangan dan laporan kawad cam juga tidak dikemukakan. Peguam juga menghujahkan SP10 telah gagal mengambil langkah-langkah yang perlu semasa kawad cam dijalankan apabila gagal memastikan tertuduh tidak boleh dilihat atau menentukan apa-apa perkara lain yang membolehkan identiti tertuduh dirahsiakan sebelum kawad cam tersebut.

[44] Mahkamah menerima hujahan peguam tersebut dan mendapati pihak TPR sendiri tidak pasti apakah yang dihasratkan oleh beliau apabila membawa keterangan kawad cam tersebut melalui SP10. SP9 selaku pegawai penyiasat yang dikatakan oleh SP10 telah membuat permintaan bagi kawad cam diadakan telah tidak langsung ditanyakan tentang kawad cam tersebut. SP6 dan SP8 yang dikatakan oleh SP10 sebagai telah hadir dalam kawad cam juga telah tidak ditanyakan langsung jika mereka ada menghadiri kawad cam dalam kes ini. Laporan kawad cam juga telah tidak dikemukakan. Mahkamah juga mendapati langkah-langkah yang diambil oleh SP10 dalam menjalankan kawad cam tersebut jauh daripada mencukupi untuk ianya boleh disifatkan sebagai kawad cam yang sempurna atau teratur. Laporan kawad cam yang disediakan oleh SP10 hasil daripada kawad cam tersebut telah tidak dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mahkamah menggunapakai s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan di atas kegagalan mengemukakan laporan kawad cam tersebut.

[45] Oleh yang demikian mahkamah menolak keterangan pendakwaan yang berkaitan dengan kawad cam (*identification parade*) dan ianya tidak menjadi sebahagian daripada pertimbangan mahkamah ini dalam menimbang dan menilai kes pendakwaan.

[46] Bagaimanapun seperti yang mahkamah ini nyatakan sebelumnya, mahkamah berpuas hati ke atas kualiti pengecaman oleh SP6 dan SP8 iaitu pengecaman di tempat kejadian ke atas tertuduh dan pengecaman di kandang tertuduh terhadap tertuduh semasa SP6 dan SP8 memberi keterangan (lihat kes *Arumugam s/o Muthusamy v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 73; [1998] 3 CLJ 597 (Mahkamah Persekutuan); *Dorai Pandian a/l Munian & Anor v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 525; *Saipuddin Abdul Aziz & 3 yang lain v Public Prosecutor* [2009] 9 CLJ 364). Oleh yang demikian kawad cam yang cacat tersebut tidak menjejaskan kes pendakwaan dalam isu pengecaman ke atas tertuduh oleh SP6 dan SP8.

Isu laporan kimia

[47] Pihak pendakwaan telah cuba memasukkan laporan kimia melalui SP9. Pihak pembelaan telah membantah kerana tiada bukti laporan tersebut ada dibuat serahan ke atas tertuduh. TPR yang bijaksana mengakui bahawa laporan kimia tersebut telah tidak dibuat serahan ke atas tertuduh. Ahli kimia yang menyediakan laporan itu juga tidak dipanggil bagi memberi keterangan lisan. Di atas kegagalan pihak pendakwaan membuat serahan laporan kimia ke atas tertuduh seperti yang dikehendaki di bawah s 399 Kanun Prosedur Jenayah atau ketiadaan ahli kimia dipanggil untuk memberi keterangan lisan, mahkamah telah tidak membenarkan laporan kimia bertarikh 28 Mei 2003 dijadikan ekshibit pendakwaan dan hanya ditandakan sebagai dokumen ID19.

Oleh yang demikian, mahkamah tidak mengambil pertimbangan terhadap mana-mana kandungan dalam laporan kimia tersebut di dalam menimbangkan kes pendakwaan.

[48] Pun begitu, walau pun tanpa laporan kimia tersebut yang negatif, kes pihak pendakwaan tidak cacat olehnya dengan adanya keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi-saksi langsung yang melihat kejadian yang mahkamah telah huraikan di atas.

KEGAGALAN MEMANGGIL RAJA SEBAGAI SAKSI

[49] Peguam yang bijaksana menghujahkan kegagalan pihak pendakwaan memanggil Raja telah menyebabkan berlakunya kelompangan ke atas kes pendakwaan. Peguam menghujahkan jika Raja dipanggil, beliau akan dapat menjelaskan tentang sama ada parang tersebut dibawa oleh Raja atau sama ada parang tersebut jatuh terpelanting dan terkena si mati ketika Raja memegang tertuduh. Oleh yang demikian peguam menghujahkan peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai ke atas kes pendakwaan.

[50] Mahkamah telah menimbangkan hujahan peguam yang bijaksana itu. Mahkamah mendapati saksi-saksi kejadian iaitu SP6 dan SP8 telah memberikan keterangan yang jelas tentang apa yang berlaku sebelum kejadian dan semasa kejadian. SP6 dan SP9 menafikan cadangan peguam bahawa parang yang dipegang oleh tertuduh telah terpelanting dan terkena si mati. Dengan kata lain pihak pembelaan mengatakan kecederaan si mati berlaku secara kemalangan apabila terkena parang yang terpelanting jatuh ketika Raja memegang tertuduh. Keterangan SP6 dan SP8 dalam perkara ini adalah jelas bahawa tetakan tertuduh telah mengena bahagian dada si mati. Keterangan juga menunjukkan Raja tidak ada sebelum kejadian iaitu semasa SP8 dan tertuduh bertengkar dan kejadian tampar dan apabila tertuduh kembali semula ke tempat tersebut dengan parang bagi mencari orang yang telah menamparnya dan melibas-libaskan parang. Mahkamah berpendapat keterangan SP6 dan SP9 adalah saling sokong menyokong dan kes pendakwaan lengkap dan kukuh dengan keterangan yang ada itu. Keterangan SP6 dan SP8 telah menolak cadangan versi yang dibawa oleh pihak pembelaan. Mahkamah berpendapat ketiadaan Raja dipanggil bagi memberi keterangan tidak mewujudkan kelompangan ke atas kes pendakwaan atau berlakunya *unsatisfactory features in the prosecution case (Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor Yeap Teong Tean v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220). Pihak pendakwaan juga tidak menyorokkan kewujudan Raja dan dengan itu tiada berlaku *withholding or suppression of evidence*. Untuk membolehkan pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950, hendaklah ditunjukkan berlakunya *witholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence* yang membolehkan mahkamah membuat dapatan daripadanya (lihat *Munusamy v*

Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 492 di ms 494 *(MA)*. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai terhadap ketiadaan panggilan Raja sebagai saksi pendakwaan.

PEMAKAIAN KECUALIAN KEDUA DI BAWAH S 300 KANUN KESEKSAAN

[51] Di akhir kes pendakwaan peguam yang bijaksana juga menghujahkan tindakan tertuduh ketika kejadian untuk melepaskan diri apabila tangan tertuduh dipegang oleh Raja adalah satu tindakan mempertahankan diri yang merupakan kecualian kedua kepada s 300 Kanun Keseksaan yang mendefinasikan maksud perkataan membunuh orang.

[52] Kecualian kedua kepada s 300 Kanun tersebut mengatakan:

> Mematikan orang dengan salah tidak menjadi satu kesalahan membunuh orang jika pesalah itu, pada menjalankan dengan suci hati hak pertahanan persendirian mengenai tubuh atau harta, melampaui kuasa yang diberikan oleh undang-undang, dan menyebabkan kematian orang yang terhadapnya ia menjalankan hak pertahanan itu, dengan tiada apa-apa rancangan yang terdahulu dan dengan tiada niat hendak melakukan kerosakan yang lebih daripada yang perlu bagi maksud pertahanan itu.

[53] Walaubagaimana pun apabila mahkamah ini mendapatkan penjelasan peguam yang bijaksana semasa hujahannya itu sama ada pihak pembelaan mengutarakan pembelaan tertuduh adalah pertahanan persendirian (*self defence*) atau kemalangan (*accidental*) melalui cadangan pihak pembelaan kepada saksi SP6 dan SP8 yang peguam mengatakan parang tersebut terpelanting dan mengenai si mati, peguam yang bijaksana mengatakan pembelaan tertuduh adalah berasaskan kepada kemalangan (*accidental*) bukannya '*private defence*'.

[54] Oleh yang demikian mahkamah ini juga dianjurkan untuk melihat kes pendakwaan dari sudut kemalangan seperti yang diutarakan oleh peguam iaitu si mati terkena parang yang terpelanting jatuh ketika Raja memegang tangan tertuduh semasa meleraikan serangan.

[55] Mahkamah ini meneliti keterangan SP6 dan SP8. Mereka menafikan si mati mendapat kecederaan akibat dari parang yang terpelanting. Mereka dengan konsisten dan tidak goyah walau sedikit pun mengatakan si mati cedera kerana kena tetakan oleh tertuduh. Malahan SP8 mengatakan masa tetakan parang itu kena si mati, tertuduh memegang parang dengan kedua-dua belah tangan dan menghayunkan parang tersebut kepada si mati. Dari semua keterangan saksi SP6 dan SP8 tersebut mahkamah mendapati bahawa kejadian

SP6 dan Raja masuk untuk cuba meleraikan serangan hanya berlaku setelah si mati kena tetakan tertuduh. Tiada sesiapa di tempat tersebut yang berani menahan tertuduh dalam suasana yang tegang itu dan semasa tertuduh menghayun-hayun parang ke arah si mati sehinggalah apabila parang itu kena kepada si mati. Oleh yang demikian mahkamah mendapati kecederaan si mati adalah akibat daripada perlakuan tertuduh yang menetak si mati dan si mati mati akibat daripada perbuatan tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan. Ilustrasi (c) di bawah s 300 Kanun adalah gambaran yang selaras dengan perlakuan tertuduh itu.

[56] Setelah membuat penilaian maksima ke atas keterangan saksi-saksi pendakwaan dan kes pendakwaan, dan berpandukan kepada prinsip undang-undang yang digariskan oleh kes-kes autoriti yang mahkamah ini telah sebutkan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh seperti mana pertuduhan.

[57] Tertuduh dengan itu diperintahkan membela diri ke atas pertuduhan tersebut.

[58] Tiga pilihan memberi keterangan diterangkan oleh mahkamah kepada tertuduh. Setelah berunding dengan peguam yang bijaksana, tertuduh memilih memberi keterangan secara bersumpah.

PEMBELAAN DIRI TERTUDUH

[59] Tertuduh ('DW1') telah memberi keterangan secara bersumpah di dalam pembelaan dirinya. Pihak pembelaan juga memanggil tiga lagi saksi pembelaan bagi menyokong keterangan pembelaan. Mereka ialah Subramaniam a/l Rethinam ('DW2') iaitu seorang ahli JKKK Kampung Dok, Maganthran a/l Palanisamy ('DW3') rakan tertuduh, Zaini binti Dan ('DW4') seorang juru pulih anggota dan Che Manisah bte Muhammad ('DW5') kakitangan rekod Hospital Bukit Mertajam. Mahkamah akan membincangkan dengan terperinci keterangan pembelaan tersebut di bawah nanti.

TUGASAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

[60] Di akhir pembelaan diri tertuduh adalah menjadi tugas mahkamah untuk menimbangkan sama ada keterangan pembelaan diri tertuduh telah berjaya menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Seksyen 182A Kanun Prosedur Jenayah menghendaki mahkamah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di

hadapannya dan hendaklah memastikan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya hingga tiada keraguan munasabah (*has proved its case beyond reasonable doubt*).

[61] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, Mahkamah Persekutuan memberi definasi *proof beyond reasonable doubt* seperti berikut:

> Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[62] Dalam menimbangkan kes pembelaan, mahkamah ini berpegang dan mengambil panduan daripada keputusan kes oleh Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 (Rep) yang memberikan panduan kepada hakim bicara mengenai pendekatan yang harus dilakukan, di mana Mohd Azmi SCJ mengatakan seperti berikut:

> We are of the view that whenever a criminal case decided on the basis of the truth of the prosecution case against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story though could not be believed did not raise a reasonable doubt on the prosecution case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution's case.
>
> It is well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution's case.
>
> To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is

A true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate case it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless, raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straight away the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

[63] Prinsip dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 menyatakan jika mahkamah berpendapat cerita tertuduh berkemungkinan walaupun pada mulanya tidak mempercayainya sudah mencukupi untuk tertuduh terlepas daripada pertuduhan (lihat juga kes *Public Prosecutor v Mohd Radhi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203).

[64] Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, YAA Arifin Zakaria FCJ (HB Malaya) mengatakan:

> It is trite law that the court need not be convinced of the defence story to entitle the accused to an acquittal. The burden of proof on the accused is indeed a light one which is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution's case (see *Illian & Anor v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421).

[65] Bagi memahami maksud ungkapan *reasonable doubt*, mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 di mana Sharma J mengatakan:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the mind of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conof the conviction to a moral certainty of the truth of the charge.
>
> It has again been said that 'reasonable doubt is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oath and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there'. Or as sometimes said, it must be a doubt as solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[66] Mahkamah ini juga mengingati dirinya ke atas prinsip yang dinyatakan dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, di mana Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa kegagalan hakim

bicara meneliti keseluruhan keterangan secara objektif dari segala sudut merupakan suatu ketidakarahan (*non-direction*) yang terjumlah kepada suatu salah arah (*misdirection*) dan kegagalan tersebut adalah suatu salah arah yang serius.

[67] Mahkamah juga mengingati dirinya bahawa bukanlah tugas pihak pembelaan untuk membawa apa-apa keterangan dan saksi bagi menyokong keterangan pembelaan kerana tugas pembelaan hanyalah setakat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kegagalan atau ketinggalan pihak pembelaan mengemukakan mana-mana saksi atau apa-apa dokumen tidak boleh dijadikan sebagai satu inferens yang tidak memihak kepada tertuduh (*Goh Ah Yew v Public Prosecutor* [1949] MLJ 150; [1948] 1 LNS 13).

[68] Di atas peruntukan dan prinsip undang-undang yang disebutkan oleh kes-kes autoriti di atas, mahkamah ini menimbangkan keterangan pembelaan diri tertuduh dan menimbangkan sama ada pembelaan diri tertuduh telah berjaya menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan tersebut.

[69] Oleh kerana keterangan pembelaan tertuduh (DW1) tidak begitu panjang, mahkamah ini menurunkan sepenuhnya keterangan tertuduh tersebut. Keterangan tertuduh mengatakan:

> Nama penuh saya ialah Kunalan a/l Kandasamy. Rakan-rakan saya panggil saya Kuna atau Kunalan. Saya tidak ada apa-apa nama panggilan yang lain. Pada 16.2.2003 saya bersama Magen (DW2) telah pergi ke dangdut. Di situ kami telah mengambil minuman keras iaitu di dangdut tersebut. Magen memberitahu kepada saya bahawa perempuan itu boleh digunapakai. Saya terus pergi kepada perempuan tersebut untuk tidur bersama. Perempuan tersebut memarahi saya. Perempuan tersebut memaki hamun emak saya. Selepas itu saya berasa marah lalu saya tampar dia. Saya tampar dia dengan menggunakan tangan kiri saya. Selepas kena tampar perempuan itu berbuat bising dan memanggil seorang lelaki Melayu. Saya tampar perempuan itu dengan menggunakan belakang tapak tangan kiri saya. Lelaki tersebut bertanya kepada saya mengapa awak menampar perempuan tersebut lalu menumbuk di bahagian muka saya. Selepas itu Magen datang ke tempat pergelutan untuk menyelesaikan pergelutan tersebut. Selepas itu pemilik dangdut tersebut menghalau kami berdua keluar. Masa pergelutan Magen berada di tempat yang berasingan lebih kurang satu meter iaitu lebih kurang sebelah dengan saya. Saya boleh camkan Magen. (Maganthran a/l Palanisamay dicamkan). Selepas keluar dari dangdut tersebut kami pergi ke Nasi Kandar Nasmir untuk makan. Saya bersama Magen pergi bersama ke nasi kandar itu. Saya dan Magen pergi dengan menaiki satu motosikal secara bersama. motosikal itu kepunyaan Magen. Pada hari itu 16.2.03 saya tidak boleh menunggang motosikal kerana mengalami kemalangan pada bulan Mei tahun 2002. Dalam kemalangan itu saya mengalami kecederaan terputus saraf dan juga mengalami kecederaan pada kulit. Akibat dari putus saraf saya tidak boleh

mengangkat barang yang berat. Pada amnya saya tidak boleh buat apa-apa kerja dengan menggunakan tangan kanan saya. Saya juga tidak boleh menggenggam tangan kanan saya sekeras-kerasnya. Saya tidak boleh memegang parang dengan keras. Selepas makan di Nasi Kandas Nasmir kami pulang ke rumah. Tentang kecederaan saya, selepas mendapat kemalangan saya membuat pembedahan di Hospital Alor Setar. Untuk pembersihan luka dan membuat exercise saya diarahkan pergi ke Hospital Bukit Mertajam. Saya ada diberikan satu laporan perubatan oleh Hospital Alor Setar (Laporan perubatan Hospital Alor Setar bertarikh 27.6.2005 – ID21). Selepas selesai makan kami pulang ke rumah. Dalam perjalanan pulang ke rumah kami melalui Taman Pelangi, M-Blok. Raja membawa motornya dengan laju ke arah kami. Raja tidak menghentikan motosikal lalu mengeluarkan sebilah parang untuk memotong saya. Raja memegang baju saya lalu bertanya kepada saya kenapa awak tampar perempuan itu. Raja pegang baju saya di bahagian dada dengan menggunakan tangan kiri. Saya berusaha untuk memegang tangan Raja yang memegang parang. Semasa saya berusaha untuk mengelakkan parang tersebut kepada saya si mati datang bersama Raja pada masa tersebut. Si mati memegang saya dari bahagian belakang. Saya melepaskan diri dari pegangan Raja. Masa lelaki itu iaitu si mati pegang belakang saya berlaku pergelutan dengan si mati untuk melepaskan diri saya. Selepas melepaskan diri, saya terdengar bunyi jeritan lalu lari dari tempat tersebut. Saya lari ke rumah. Jarak tempat Blok M dengan kawasan dangdut lebih kurang 60 meter. Saya tidak kenal lelaki bernama Marzuki bin Yunos (SP6). Sebelum kejadian saya tidak pernah melihat Marzuki bin Yunos. Masa saya balik dari Nasi Kandar Nasmir saya tidak ada berjumpa Marzuki bin Yunos. Saya tidak ada pada bila-bila masa melibas parang kepada Marzuki di kedai Pak Wan. Saya tidak ada bertanyakan kepada Marzuki di kedai Pak Wan yang mana satu menampar saya. Saya tidak berlari kepada Nor Asmadi dengan memegang parang. Saya hanya lari balik ke rumah. Di tempat kejadian saya tidak melihat sesiapa perempuan di tempat tersebut. Saya hanya melihat Raja memegang parang dan lelaki Melayu tersebut iaitu si mati. Saya tidak pernah membawa parang dan berjumpa dengan perempuan Melayu tersebut (SP8). Saya tidak bila-bila masa menetak si mati. Masa pergelutan dengan si mati saya tidak berniat untuk membunuh si mati. Saya hanya berpegang untuk melepaskan diri saya. Selepas saya ditangkap saya ada dibawa berjumpa dengan Cif Insp. Martin. Saya ada beritahu apa yang berlaku kepada Cif Insp. Martin. Cif Insp. Martin beritahu saya beritahu kepada Mahkamah apa yang berlaku.

[70] Ketika diperiksa balas oleh TPR yang bijaksana, tertuduh menafikan nama panggilannya adalah 'Sakai'. Tertuduh mengatakan beliau tidak tahu nama dangdut yang tertuduh pergi walau pun telah ke dangdut tersebut sebanyak tiga kali. Tertuduh tidak juga bersetuju dengan cadangan TPR bahawa tertuduh boleh memegang parang pada hari tarikh kejadian. Tertuduh tidak bersetuju yang tertuduh menampar perempuan iaitu SP8 dengan tangan kanan. Tertuduh tidak bersetuju yang tertuduh boleh membawa motosikal pada tarikh kejadian. Tertuduh menafikan tertuduh tidak ada pergi ke kedai Nasi Kandar Nasmir. Tertuduh menafikan yang beliau datang ke Taman Pelangi iaitu tempat kejadian seorang diri dan mengatakan Magen (DW3) yang membawanya ke situ. Tertuduh menafikan telah menampar perempuan

Melayu (SP8) semasa tertuduh berhenti berhampiran kedai makan Pak Wan. Tertuduh menafikan keterangan beliau yang Raja telah bawa motosikal ke arah tertuduh dan tidak berhenti dan Raja bawa parang sebagai suatu keterangan rekaan tertuduh. Tertuduh tidak bersetuju bahawa tertuduh yang telah membawa parang ke tempat kejadian. Tertuduh menafikan ada memegang parang. Tertuduh menafikan Magen tidak ada bersamanya sewaktu tertuduh datang ke kedai Pak Wan. Tertuduh menafikan keterangan tertuduh bahawa Raja memegang parang dan tertuduh mengelak adalah suatu keterangan rekaan oleh tertuduh. Tertuduh tidak bersetuju dengan pengataan TPR bahawa tertuduh yang telah melibas-libaskan parang dan menetak si mati di bahagian dada. Tertuduh menafikan beliau dalam ketakutan setelah menetak si mati dan lari dan tidak menyerah diri bagi memberitahu kejadian sehingga tertuduh ditangkap pada bulan Disember 2004 iaitu lebih daripada satu tahun selepas kejadian. Tertuduh menafikan ada menetak si mati dan mengatakan Raja yang melakukannya. Tertuduh mengatakan beliau tidak bekerja setelah kemalangan jalan raya kerana lemah tangan kanan.

[71] Subramaniam a/l Rethinam (DW2) pula mengatakan beliau pernah tinggal di Kampung Dok dan pernah menjadi Ahli Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung (JKKK) dari tahun 1990 hingga 1996. DW2 mengatakan pada jam 10.15 malam 16 Februari 2003 sewaktu DW2 berada di rumahnya, Raja yang menunggang sebuah motosikal telah datang ke rumahnya dengan seorang lelaki Melayu dan menjerit memanggil DW2 keluar sambil bertanya kepada DW2 ke mana perginya 'Sakai' dan memaki 'Sakai'. DW2 mengatakan beliau lihat Raja ketika itu dalam kedaan mabuk dan marah-marah. DW2 mengatakan Raja memberitahunya yang Raja hendak menetak Kunalan kerana Kunalan menampar seorang perempuan Melayu pada malam itu. DW2 mengatakan Raja ada menyimpan sebilah parang dalam motosikal dan menunjukkan parang kepada DW2 dan memberitahu hendak menetak Sakai (Kunalan) pada hari tersebut. DW2 mengatakan beliau nampak parang tersebut kerana ditunjukkan oleh Raja dan DW2 memberikan diskripsi parang tersebut panjangnya dua setengah kaki dan muncungnya ada lengkok. DW2 mengatakan motosikal yang terdapat dalam gambar P11(J) dan (K) jenis EX5 adalah motosikal yang dilihat ditunggang oleh Raja pada masa datang ke rumahnya. DW2 mengatakan beliau memberi nasihat kepada Raja dan lelaki itu bagi menghentikan perbuatan tetapi mereka memberitahu DW2 yang mereka akan tetap menetak Kunalan walau apa pun terjadi dan selepas itu mereka beredar dari kawasan rumah DW2.

[72] Semasa disoal balas oleh TPR, DW2 mengatakan beliau kenal Kunalan iaitu tertuduh kerana satu kampung dan DW2 juga kenal keluarga tertuduh. DW2 tidak bersetuju dengan cadangan soalan TPR bahawa Raja dan seorang lelaki Melayu sebenarnya tidak ada datang berjumpa DW2 pada malam 16 Februari 2003 tersebut. DW2 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR

bahawa Raja tidak membawa parang dan tidak menunjukkan parang kepadanya. DW2 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa keterangan DW2 adalah suatu keterangan rekaan sahaja bagi membantu tertuduh.

[73] Meganthran a/l Palanisamy (DW3) mengatakan beliau mengenali tertuduh kerana mereka dari kampung yang sama. Pada malam 16 Februari 2003 jam antara 8.30 hingga 9 malam DW3 bersama tertuduh telah pergi ke sebuah dangdut untuk minum beer. DW3 pergi ke situ dengan menunggang motosikal dan tertuduh sebagai pembonceng. Semasa di dangdut itu DW3 dan tertuduh minum dan menari dan ketika itu dalam dangdut tersebut ada lebih kurang lima orang GRO. DW3 mengatakan sebelum kejadian beliau pernah bawa GRO ke bilik di flat yang berhampiran. Pada malam itu tertuduh bertanya DW3 sama ada tertuduh boleh membawa balik GRO ke bilik dan DW3 kata boleh. Apabila tertuduh menghampiri salah seorang GRO untuk bertanya GRO tersebut naik marah dan memaki tertuduh dengan kata-kata kesat. Semasa itu tertuduh telah menampar muka GRO tersebut dengan menggunakan bahagian belakang tangan kirinya. Pada masa yang sama seorang lelaki Melayu datang dan menumbuk tertuduh dan berlaku kekecohan di tempat itu yang menyebabkan tuan punya dangdut dan dua tiga orang lagi datang dan meminta DW3 dan tertuduh keluar dari dangdut tersebut. DW3 mengatakan kelab dangdut tersebut tidak mempunyai nama kerana tidak berlesen. Selepas itu DW3 bersama tertuduh telah pergi ke kedai nasi kandar yang berhampiran dan makan di situ. Selepas makan lebih kurang 11 hingga 11.15 malam sedang DW3 dan tertuduh yang memboncengnya dalam perjalanan hendak balik ke kampung, ketika itu ternampak dua lelaki salah seorang India menaiki sebuah motosikal dan datang ke arah DW3 dan tanpa berhenti telah terus menerkam ke arah DW3 dan tertuduh dan lelaki India itu ada memegang parang di tangannya. DW3 tidak sempat untuk berhentikan motosikalnya dan DW3 serta tertuduh melompat dari motosikal. DW3 mengatakan beliau dan tertuduh telah sempat memegang pedang yang dibawa oleh lelaki India. Ketika itu lelaki Melayu iaitu si mati datang dari arah belakang tertuduh dan memegang badan tertuduh. Ketika lelaki Melayu itu memegang tertuduh, tertuduh dan lelaki India itu sedang merebut parang dengan kedua-duanya memegang pada parang. Ketika lelaki Melayu itu sedang memegang tertuduh dari belakang, tertuduh telah menyiku lelaki Melayu itu dan kebetulan pada masa itu parang tersebut telah terkebelakang dan terkena lelaki Melayu itu. Melihat keadaan tersebut kedua-dua DW3 dan tertuduh telah melarikan diri dari situ. DW3 mengatakan dari jam 8.30 malam hingga jam 11.30 malam DW3 ada bersama tertuduh dan DW3 tidak ada melihat tertuduh ada membawa parang. DW3 seterusnya mengatakan perempuan yang ditampar oleh tertuduh tidak ada di tempat pergelutan iaitu tempat kejadian tetakan. Selepas kejadian DW3 telah lari dan bersembunyi tetapi pada esok harinya DW3 telah menyerah diri kepada polis dan setelah ditahan untuk beberapa hari DW3 telah dijadikan saksi oleh pihak polis.

[74] Semasa soal balas oleh TPR, DW3 mengatakan beliau telah mengenali tertuduh selama 6 hingga 7 tahun. DW3 menafikan beliau memberi keterangan tersebut hanya bagi tujuan membantu tertuduh. DW3 tidak bersetuju dengan TPR yang DW3 tidak ada pergi ke dangdut pada malam itu. DW3 juga tidak bersetuju dengan TPR bahawa keterangan DW3 yang tertuduh menampar seorang perempuan dalam dangdut hanya suatu keterangan rekaan beliau bagi membantu tertuduh. DW3 juga tidak bersetuju bahawa DW3 tidak pergi makan bersama tertuduh. DW3 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa DW3 hanya berjumpa tertuduh ketika tertuduh sedang bertengkar dengan seseorang berhampiran Blok M. DW3 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa DW3 ada melihat pertengkaran antara tertuduh dengan lelaki Melayu dan DW3 cuba leraikan. DW3 juga tidak bersetuju bahawa tertuduh dan DW3 telah beredar dari tempat pertengkaran tersebut secara masing-masing menunggang motosikal sendiri. DW3 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa bahawa tidak ada lelaki India yang datang membawa parang dan menerkam ke arah DW3 dan tertuduh. DW3 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa tiada lelaki Melayu yang telah memegang tertuduh dari bahagian belakang. DW3 juga tidak bersetuju dengan nyataan TPR bahawa tidak ada kejadian tertuduh menyiku lelaki Melayu yang memegangnya. DW3 juga tidak bersetuju dengan TPR yang menyatakan pada masa kejadian tersebut perempuan yang ditampar oleh tertuduh juga berada di tempat kejadian itu.

HUJAHAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[75] Di akhir kes pembelaan peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa pembelaan tertuduh telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Peguam menghujahkan keterangan DW2 telah menyokong keterangan tertuduh bahawa Raja ada membawa parang. Peguam juga menghujahkan melalui keterangan DW3 tertuduh tidak menunggang motosikal tetapi membonceng motosikal DW3 dan oleh itu tiada kemungkinan tertuduh datang seorang diri dengan menunggang motosikal ke tempat kejadian disebabkan tertuduh menumpang DW3 dan tertuduh tidak boleh menunggang motosikal pada hari kejadian kerana kecederaan tangan yang dialaminya semasa kemalangan jalanraya yang mengakibatkan tangan kanan tertuduh lemah dan tidak boleh memegang barangan dengan kuat. Peguam juga menghujahkan Raja adalah saksi penting yang dapat menjelaskan tentang parang dan mengapa si mati memanggil Raja ke situ pada malam kejadian. Peguam menghujahkan kegagalan pihak pendakwaan memanggil Raja menyebabkan peruntukan s 114(g) Akta Keterangan terpakai terhadap kes pendakwaan. Peguam juga menghujahkan dengan kecederaan tangan yang dialami oleh tertuduh semasa kemalangan jalan raya di mana tertuduh menjalani rawatan psioterapi maka beban membuktikan bahawa tertuduh berupaya mengangkat tangan bagi memegang

parang adalah terletak kepada pihak pendakwaan untuk membuktikannya. Peguam juga menghujahkan terdapat percanggahan dalam keterangan SP6 dan SP8 tentang bagaimana si mati ditetak di mana SP6 mengatakan si mati ditetak semasa si mati berdiri manakala SP8 pula mengatakan si mati ditetak semasa si mati dalam kedudukan berbaring dan TPR telah tidak bertanyakan doktor patalogi kedudukan si mati masa mendapat tetakan. Peguam juga menghujahkan parang terlibat telah tidak dirampas dan tiada usaha dibuat oleh pegawai penyiasat bagi mengesan parang tersebut.

[76] TPR menghujahkan melalui keterangan saksi pembelaan DW4 dinyatakan bahawa tertuduh berupaya mengangkat apa sahaja kerana kecederaan tertuduh semasa kemalangan jalan raya hanya melibatkan bahagian *extensor* tangan iaitu bahagian di luar belakang tapak tangan dan oleh itu tidak menjejaskan keupayaan tertuduh untuk memegang barang. TPR juga menghujahkan pihak pembelaan tidak ada mengetengahkan DW2 semasa kes pendakwaan dan menghujahkan DW2 hanya memberi keterangan yang direka-reka. Begitu juga keterangan DW3 di mana TPR menghujahkannya sebagai keterangan rekaan oleh pihak pembelaan kerana keterangan sedemikian tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan dan semasa saksi-saksi pendakwaan khasnya SP6 dan SP8 memberi keterangan. TPR menghujahkan keterangan SP6 dan SP8 adalah kredible dan kukuh. TPR menghujahkan SP8 telah menafikan dengan jelas bahawa kejadian menampar tidak berlaku dalam kelab dangdut tetapi di tepi jalan berdekatan tempat kejadian sewaktu SP8 dalam perjalanan pulang ke rumah selepas makan di gerai berdekatan. TPR juga menghujahkan kegagalan tertuduh dan DW3 menamakan kelab dangdut yang mereka pergi menimbulkan keraguan ke atas kredibiliti keterangan mereka dan menghujahkan bahawa tiada kelab dangdut sedemikian berhampiran tempat tersebut. Mengenai kegagalan pihak pendakwaan memanggil Raja sebagai saksi pendakwaan, TPR menghujahkan bahawa tiada apa-apa *witholding and suppression of evidence* oleh pihak pendakwaan kerana saksi SP6 dan SP8 telah menyebutkan nama Raja dan pegawai penyiasat kes juga dalam keterangannya mengatakan melalui percakapan siasatan yang diambil dari Raja di mana Raja telah mengatakan beliau tidak nampak semasa si mati mendapat tetakan. Oleh yang demikian TPR menghujahkan peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai terhadap kes pendakwaan. TPR juga menghujahkan kegagalan mengesan parang terlibat tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana keterangan saksi SP6 dan SP8 adalah jelas dan telah memberikan diskripsi parang tersebut dan bagaimana tertuduh melibas-libaskan parang yang dipegang oleh tertuduh dan bagaimana tertuduh telah menetak si mati. TPR menghujahkan pembelaan tertuduh bahawa Raja yang membawa parang dan si mati terkena parang yang dibawa oleh Raja semasa pergelutan adalah suatu penafian semata-mata dan tidak boleh dipercayai. TPR juga menghujahkan keterangan pembelaan bahawa Raja telah menerkam ke arah tertuduh dan DW3 telah tidak pernah diketengahkan semasa kes pendakwaan dan hanyalah

satu keterangan *afterthought* sahaja.

FINDINGS DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

Adakah tertuduh dikenali juga sebagai 'Sakai'

[77] SP6 dan SP8 mengatakan lelaki yang menampar SP8 di tepi jalan pada malam kejadian dipanggil dengan nama 'Sakai'. SP6 sebelum tarikh kejadian pernah melihat tertuduh dan tahu daripada rakan-rakan SP6 yang tertuduh dipanggil 'Sakai'. SP6 dan SP8 mengatakan 'Sakai' yang telah mengganggu SP8 dan menampar SP8 pada malam kejadian. SP6 dan SP8 juga mengatakan setelah 'Sakai' beredar dari kawasan kedai makan, lebih kurang 15 minit kemudian 'Sakai' telah datang kembali ke kawasan kedai makan Pak Wan tersebut dengan menunggang motosikal secara bersendirian dan turun dari motosikal dan menerpa ke arah SP6 dengan membawa parang dan melibas-libaskan parang tersebut sebelum kemudiannya si mati tiba semula ke tempat kejadian bersama Raja di mana 'Sakai' telah menetak si mati. SP8 mengatakan beliau biasa melihat tertuduh kerana tertuduh sebelum kejadian tersebut pernah beberapa kali mengganggu SP8.

[78] Tertuduh di dalam keterangan pembelaan dirinya mengatakan beliau dikenali sebagai Kunalan atau Kuna. Tertuduh menafikan beliau juga dipanggil dengan nama penggilan 'Sakai'. Tertuduh mengatakan beliau tidak ada nama panggilan lain kecuali 'Kuna'.

[79] Keterangan saksi pembelaan DW2 mengatakan pada malam itu Raja dan seorang lelaki Melayu telah datang mencari 'Sakai' kerana dikatakan 'Sakai' telah menampar seorang perempuan Melayu. DW2 mengatakan beliau mengenali Kunalan iaitu tertuduh kerana tertuduh sekampung dengannya dan DW2 juga mengenali keluarga tertuduh. Tertuduh mengatakan Raja mengatakan kepadanya yang Raja hendak menetak Kunalan kerana Kunalan telah menampar seorang perempuan Melayu dan oleh itu Raja telah kehilangan pendapatan pada malam itu. DW2 seterusnya menambah dalam keterangannya bahawa Raja ada menyimpan sebilah parang dalam motosikal dan telah tunjukkan kepada DW2 dan beritahu dia (Raja) hendak menetak 'Sakai' pada hari tersebut. DW2 seterusnya mengatakan DW2 memberi nasihat kepada Raja supaya menghentikan perbuatannya tetapi nasihat DW2 tidak berjaya apabila Raja dan lelaki Melayu itu memberitahu mereka akan tetak Kunalan walau apa pun terjadi dan mereka selepas itu beredar.

[80] Mahkamah ini mendapati keterangan SP6 dan SP8 bahawa tertuduh juga dipanggil dengan nama gelaran 'Sakai' adalah kredibel. Keterangan DW2 mengukuhkan lagi keterangan pendakwaan bahawa tertuduh juga dikenali

sebagai 'Sakai'. Dari keterangan DW2 tiada keraguan bahawa DW2 merujuk 'Sakai' tersebut sebagai Kunalan iaitu tertuduh yang telah menampar seorang perempuan Melayu (SP8). 'Sakai' yang dikatakan oleh SP6 dan SP8 adalah orang sama iaitu tertuduh yang DW2 kadangkala merujuk nama tertuduh dalam keterangannya sebagai 'Kunalan' dan kadangkala sebagai 'Sakai'. Mahkamah berpuas hati tiada kemungkinan berlakunya kesilapan identiti atau pengecaman ke atas tertuduh. Oleh itu mahkamah tidak menerima keterangan tertuduh bahawa beliau tidak mempunyai nama panggilan lain, iaitu 'Sakai' seperti yang dikatakan oleh SP6 dan SP8. Mahkamah mendapati tertuduh tidak bercakap benar dalam perkara ini apabila menafikan beliau juga dikenali dengan nama panggilan 'Sakai'.

Adakah Raja telah menerkam tertuduh dan DW3

[81] Tertuduh dalam pembelaannya mengatakan semasa tertuduh dan DW3 dalam perjalanan hendak balik ke kampung setelah makan di kedai Nasi Kandar Nasmir, Raja telah tiba dengan menunggang motosikal yang dibonceng oleh satu lelaki Melayu dan Raja telah membawa motosikal laju ke arah tertuduh tanpa berhenti dan Raja terus mengeluarkan parang untuk memotong tertuduh. Raja memegang baju tertuduh di bahagian dada dan bertanya 'mengapa tertuduh tampar perempuan itu'. Tertuduh berusaha memegang tangan Raja yang memegang parang. Semasa tertuduh sedang berusaha mengelakkan parang tersebut si mati datang dan memegang bahagian belakang tertuduh dan ketika itu berlaku pergelutan kerana tertuduh ingin melepaskan diri dan selepas tertuduh dapat melepaskan diri tertuduh mendengar bunyi jeritan lalu tertuduh terus lari dari tempat tersebut.

[82] Keterangan SP6 mengatakan tertuduh telah datang semula ke tempat kejadian dengan menunggang motosikal dan melihat terdapat parang dalam raga motosikal tertuduh. Setiba tertuduh di kawasan kedai makan itu tertuduh telah mengeluarkan parang dari motosikalnya dan meluru kepada SP6 dengan melibas-libaskan parang ke arah SP6 dan SP8 sambil bertanyakan 'mana satu lelaki yang tampar dia tadi'. SP6 kemudiannya melihat tertuduh meluru pula kepada rakan SP6 bernama Nor Asmadi yang berada di atas motosikal lebih kurang jarak tiga hingga empat meter daripada tempat SP6, dan SP6 dapat mendengar tertuduh bertanyakan Nor Asmadi 'di mana yang tampar dia tadi' dan Nor Asmadi menjawab 'Dia cari youlah di Kampung Dok'. SP6 melihat tertuduh mengacukan parang kepada Nor Asmadi dan Nor Asmadi lari datang ke meja SP6. SP6 mengatakan keadaan ketika itu tegang. Ketika itu juga Raja dan si mati telah tiba semula ke tempat kejadian dan tertuduh yang ternampak si mati tiba telah terus meluru kepada si mati yang masih berada di atas motosikal Raja dan melibaskan parang kepada si mati dan si mati cuba melarikan diri tetapi kaki si mati tersangkut pada motosikal menyebabkan si

mati jatuh. Kemudiannya semasa si mati sedang mengalihkan badannya untuk cuba bangun si mati telah kena tetakan tertuduh.

[83] SP8 pula mengatakan tertuduh telah datang semula ke kedai makan di mana SP8 berada bersama SP6 iaitu kira-kira 15 minit selepas Raja dan si mati beredar dari kedai makan tersebut dan SP8 melihat tertuduh telah datang semula dengan menunggang motosikal dan ada membawa parang dalam raga motosikal. SP8 mengatakan tertuduh datang berseorangan sahaja. Sebaik tiba di situ tertuduh telah datang ke arah SP8 dan SP6 dan bertanyakan 'Mana you orang punya kawan, mana you orang punya kawan'. Semasa bertanya itu tertuduh ada membawa parang dan menghayunkan parang itu ke arah SP8 dan SP6. SP8 duduk ketakutan dan seketika kemudian Raja dan si mati telah sampai di situ dan tidak sempat lagi motosikal ditongkat tertuduh telah datang dan serang si mati dan motosikal Raja terbalik. SP8 melihat si mati merangkak-rangkak dan tertuduh telah menakik si mati. SP8 melihat tertuduh memegang parang dengan tangan kanan dan masa tertuduh hayun parang kepada si mati tertuduh memegang parang dengan kedua-dua belah tangan. Selepas tetak si mati tertuduh telah lari dan SP8 melihat si mati tergolek.

[84] Adalah berfaedah untuk mahkamah ini menurunkan soalan pemeriksaan balas peguam ke atas SP8 tentang kejadian tetakan yang dikatakan berlaku:

> Q. Saya katakan sebenarnya motosikal itu (motosikal Raja) tidak terjatuh.
>
> J. Tidak setuju.
>
> Q. Saya katakan bila motosikal itu sampai tertuduh telah berjalan ke arah motosikal itu.
>
> J. Tidak setuju. Tertuduh berlari.
>
> Q. Bila tertuduh sampai di motosikal itu Raja telah keluarkan parang.
>
> J. Tidak benar, bukan Raja.
>
> Q. Pada masa itu juga tertuduh telah tangkap tangan Raja dan berlaku pergelutan.
>
> J. Raja yang tangkap tangan tertuduh bukan tertuduh tangkap tangan Raja.
>
> Q. Pada masa itu parang itu telah terpelanting dan kena pada dada si mati Abang Mat.
>
> J. Tidak setuju.

[85] Apa pula pemeriksaan balas peguam ke atas SP6 berkaitan kejadian serangan tertuduh ke atas si mati:

> Q. Saya katakan parang itu sebenarnya dibawa oleh Raja.

J. Tidak benar.

Q. Setelah melihat si mati datang ke tempat kejadian Sakai telah lari ke arah motosikal yang ditunggang oleh Raja.

J. Ya.

Q. Pada masa itu Raja yang ambil parang dan cuba menghayun kepada Sakai.

J. Tidak benar.

Q. Sakai telah cuba menghalang dengan cara memegang tangan Raja.

J. Tidak benar.

Q. Saya katakan dalam pergelutan itu parang yang dibawa oleh Raja telah terlepas dari tangan Raja dan terkena kepada si mati.

J. Tidak setuju.

[86] Apa pula versi tertuduh dalam pembelaan dirinya berkaitan tetakan yang terjadi ke atas si mati:

Selepas selesai makan kami (tertuduh dan DW3) pulang ke rumah. Dalam perjalanan pulang ke rumah kami melalui Taman Pelangi, M Blok. Raja membawa motornya dengan laju kearah kami. Raja tidak menghentikan motosikal lalu mengeluarkan parang untuk memotong saya. Raja memegang baju saya lalu bertanya kepada saya mengapa awak telah tampar perempuan itu. Raja pegang baju saya di bahagian dada dengan menggunakan tangan kiri. Saya berusaha untuk memegang tangan Raja yang memegang parang. Semasa saya berusaha untuk mengelakkan parang tersebut kepada saya si mati datang bersama Raja pada tersebut. Si mati memegang saya dari belakang. Saya melepaskan diri dari pegangan Raja. Masa lelaki itu si mati pegang belakang saya berlaku pergelutan dengan si mati untuk melepaskan diri saya. Selepas saya melepaskan diri saya, saya terdengar bunyi jeritan lalu lari dari tempat tersebut. Saya lari ke rumah.

[87] Bagaimana pula versi keterangan DW3 tentang kejadian si mati ditetak:

Selepas makan jam lebih kurang 11.00 – 11.15 malam kami (DW3 dan tertuduh) dalam perjalanan nak balik ke kampung dan masa itu ternampak dua orang lelaki salah seorang India dan India itu ada memegang parang di tangannya. Semasa itu saya tidak sempat untuk menghentikan motosikal. Saya dan kawan saya lompat motosikal. Kedua-dua orang itu datang menaiki motosikal. Apabila mereka telah datang berhampiran mereka tidak berhenti motosikal mereka dengan standnya dan terus menerkam ke arah kami dan saya dan kawan saya telah sempat memegang pedang yang dibawa oleh India. Semasa itu lelaki Melayu datang dari arah belakang tertuduh dan memegang badan tertuduh. Masa lelaki itu memegang tertuduh, tertuduh dan lelaki India sedang merebut dengan kedua-duanya memegang pada parang. Semasa lelaki itu pegang tertuduh dari belakang, tertuduh telah menyiku dia dengan siku kiri dan kebetulan pada masa itu parang tersebut telah terkebelakang dan terkena lelaki Melayu itu. Lelaki India itu berbadan besar. Selepas itu melihatkan kedaaan itu kami telah lari dari situ.

[88] Semasa disoal balas oleh TPR, DW3 mengatakan: **A**

> Q. Saya katakan lelaki India yang awak jumpa tidak ada parang dalam tangannya.
>
> J. Saya tak setuju. Dia yang bawa parang.
>
> Q. Lelaki India itu tidak menerkam ke arah kamu. **B**
>
> J. Tak setuju.
>
> Q. Tidak ada pada bila-bila masa satu lelaki Melayu pegang tertuduh dari bahagian belakang.
>
> J. Tak setuju. **C**
>
> Q. Keterangan kamu rekaan semata-mata. Kamu tidak ada masa kejadian.
>
> J. Tak setuju.
>
> Q. Keterangan awak tertuduh menyiku lelaki Melayu adalah rekaan awak. Awak tak ada di situ. **D**
>
> J. Tak setuju.

[89] Mahkamah dapati jalur keterangan pembelaan bahawa Raja yang menerkam DW3 dan tertuduh dengan memegang parang tidak pernah dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa kes pendakwaan. Tidak ada juga dikatakan pada mana-mana saksi pendakwaan yang melihat kejadian iaitu SP6 dan SP8 bahawa si mati memegang tertuduh dari bahagian belakang dan tertuduh telah menyiku si mati. Dengan kata lain SP6 dan SP8 tidak ada ditanyakan atau dicadangkan dengan kejadian sedemikian. Tertuduh sendiri tidak ada memberi keterangan yang tertuduh ada menyiku si mati dengan siku kiri tertuduh. Malahan semasa pemeriksaan balas ke atas SP8, peguam telah mengatakan kepada SP8: 'Saya katakan bila motosikal itu sampai tertuduh telah berjalan ke arah motosikal itu.' Jika tertuduh telah berjalan ke arah motosikal itu maka persoalannya adakah benar kemudiannya dalam pembelaan tertuduh yang mengatakan Raja membawa motosikal ke arah tertuduh dengan laju tanpa memberhentikannya dan mengeluarkan parang untuk memotong tertuduh? Bagaimana pula keterangan DW3 yang mengatakan dalam pemeriksaan utama: *Semasa itu saya tidak sempat untuk memberhentikan motosikal. Saya dan kawan saya lompat motosikal. Apabila mereka telah datang berhampiran mereka tidak berhenti motosikal mereka dengan standnya dan terus menerkam ke arah kami dan saya dan kawan saya telah sempat memegang pedang yang dibawa oleh India*. Jalur pembelaan tertuduh semasa kes pendakwaan nampaknya bercanggah dengan keterangan pembelaan tertuduh. Mahkamah juga mendapati adalah tidak munasabah untuk Raja yang menunggang motosikal pada malam itu dapat melihat DW3 dan tertuduh yang juga menunggang motosikal datang dari arah yang bertentangan dan terus menerkam DW3 dan tertuduh tanpa memberhentikan motosikalnya dan menungkat motosikal terlebih dahulu. Setelah membuat pertimbangan ke atas **E** **F** **G** **H** **I**

keterangan yang ada, mahkamah mendapati keterangan tertuduh dan DW3 bahawa Raja telah menerkam tertuduh dan DW3 dengan memegang parang di tangan kanan adalah satu keterangan pembelaan yang difikirkan terkemudian (*an afterthought*). Oleh itu mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 sebagai kredible dalam perkara ini. Tingkah laku DW3 semasa memberi keterangan yang sentiasa menundukkan kepala ke bawah sepanjang memberi keterangan beliau dilihat oleh mahkamah ini sebagai tingkah laku yang mengurangkan kredibiliti keterangan DW3 tersebut. Mahkamah ada mencatitkan tingkah laku DW3 tersebut di dalam nota keterangan semasa pemeriksaan balas TPR seperti berikut: 'Mahkamah: Saksi ini hanya menundukkan kepala sepanjang memberi keterangan beliau.'

Adakah kejadian menampar berlaku di dalam dangdut

[90] Tertuduh dan DW3 mengatakan kejadian tertuduh menampar seorang perempuan Melayu berlaku di dalam dangdut dan bukannya di kawasan tepi jalan kedai makan. Tertuduh datang ke dangdut itu bersama DW3 untuk minum beer dan menari. Tertuduh mengatakan beliau menampar perempuan itu setelah perempuan itu memarahi dan memaki tertuduh setelah tertuduh bertanyakan kepada perempuan itu jika tertuduh boleh tidur dengan perempuan itu. Tertuduh mengatakan setelah menampar perempuan itu satu lelaki Melayu telah datang dan menumbuk tertuduh dan berlaku kekecohan. Kerana kececohan tersebut tuan punya dangdut telah meminta tertuduh dan DW3 keluar daripada dangdut tersebut. Tertuduh dan DW3 keluar dari dangdut tersebut dan pergi makan di kedai Nasi Kandar Nasmir.

[91] SP8 mengatakan kejadian tertuduh menamparnya berlaku di tepi jalan dekat kedai makan tidak berapa jauh dari Blok M iaitu kawasan tempat kejadian. SP8 mengatakan tertuduh menamparnya setelah SP8 memaki tertuduh yang mengganggu SP8 dan mengajak SP8 berjalan-jalan menaiki motosikal tertuduh. Setelah tertuduh menamparnya dan terjadi pertengkaran si mati telah datang ke tempat SP8 ditampar dan si mati menumbuk tertuduh dan berlaku perselisihan. Ketika itu DW3 sampai cuba meleraikan. Tertuduh dan DW3 beredar dari tempat tersebut dengan motosikal masing-masing.

[92] Keterangan tertuduh mengatakan beliau telah tiga kali ke dangdut tersebut. Walaubagaimanapun tertuduh tidak ingat nama kelab dangdut tersebut. DW3 juga tidak ingat nama kelab dangdut itu dengan mengatakan dangdut itu tidak ada nama kerana tidak berlesen. Mahkamah mendapati kegagalan tertuduh dan DW3 untuk memberitahu nama dangdut tersebut adalah tidak munasabah. Tertuduh dan DW3 telah tiga kali ke tempat tersebut dan tahu orang yang meminta tertuduh dan DW3 keluar dari dangdut itu adalah tuan punya dangdut. Tertuduh dan DW3 mengatakan telah berada di dangdut itu sejak dari jam 9 malam sebelum diminta keluar dan tertuduh

datang ke situ dengan tujuan untuk minum beer dan menari. Tiada keterangan tentang adakah tertuduh atau DW3 telah membayar minuman sebelum dihalau keluar dari dangdut tersebut. Tidak munasabah untuk DW3 dan tertuduh berada dalam dangdut itu untuk selama hampir satu setengah jam tanpa memesan minuman. Di manakah DW3 meletakkan motosikalnya juga tidak dinyatakan. Bagaimanakah tertuduh boleh membawa balik perempuan GRO dari dangdut itu ke flat jika tertuduh tidak boleh menunggang motosikal kerana tangan lemah dan tidak diketahui flat siapakah yang hendak digunakannya itu bagi membawa balik perempuan GRO tersebut untuk tidur bersama, yang kemudiannya dalam kejadian ini telah ditamparnya apabila perempuan itu (SP8) memarahi tertuduh. Keterangan tertuduh dan DW8 melihatkan seolah-olah perempuan GRO yang tertuduh tampar itu adalah perempuan lain yang bukannya SP8 kerana tiada dalam keterangan pembelaan tertuduh dan DW3 bahawa mereka mencamkan perempuan GRO itu sebagai SP8 sedangkan keterangan SP8 ialah tertuduh yang menamparnya di tepi jalan. SP8 kenali wajah tertuduh kerana tertuduh pernah beberapa kali sebelum itu mengganggu SP8. Jika DW3 pernah membawa balik perempuan GRO yang ditampar oleh tertuduh untuk tidur bersama maka sudah tentunya DW3 mengenali perempuan itu sama ada ianya SP8 atau seorang perempuan yang lain. Jika perempuan GRO itu seorang yang lain daripada SP8 maka tidak munasabah untuk si mati menumbuk tertuduh kerana tiada hubungan antara si mati dengan perempuan GRO tersebut. SP8 adalah anak angkat kepada si mati. Mahkamah dapati tidak mungkin akan berlakunya kejadian tetakan di kawasan kedai makan jika perempuan GRO yang ditampar oleh tertuduh di dangdut itu adalah perempuan lain yang tiada kaitan dengan si mati. SP8 dengan tegas menafikan beliau bekerja sebagai GRO di dangdut dan sebaliknya mengatakan beliau bekerja sebagai operator pengeluaran di kilang Davies pada tempoh tarikh kejadian.

[93] Dari keterangan yang ada, mahkamah dapati kejadian tertuduh menampar SP8 tidak berlaku di dalam dangdut pada malam tersebut. Mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 bahawa kejadian tertuduh menampar SP8 tersebut berlaku di tepi jalan berdekatan kedai makan tempat kejadian. Tiada kejadian menampar perempuan GRO berlaku di dalam dangdut dan tiada kejadian tertuduh dan DW3 dihalau keluar daripada dangdut tersebut selepas berlaku kekecohan dengan si mati. Mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 bahawa si mati sepanjang masa berada di kedai makan sebelum kejadian tetakan dan hanya seketika meninggalkan kedai makan itu bagi mencari tertuduh di Kampung Dok bersama Raja. Oleh itu mahkamah tidak menerima keterangan tertuduh dan DW3 ke atas perkara ini. Tidak juga timbul kemungkinan untuk perkara menampar ini sebagai benar berlaku di dangdut di atas alasan seperti yang mahkamah ini telah huraikan tadi. Adalah suatu perkara fakta yang tidak dicabar oleh pihak pembelaan bahawa SP8 bersama SP6 yang membawa si mati ke Hospital Seberang Jaya sebaik sahaja si mati kena tetakan dan SP8 juga yang membuat laporan

maklumat pertama tentang kejadian (P15). P15 menyokong keterangan SP8 dan SP6 tentang kejadian tetakan tersebut. Jika SP8 dan SP6 tiada di situ seperti mana keterangan pembelaan tertuduh dan DW3 maka adalah tidak munasabah untuk SP8 dan SP6 dapat membawa si mati ke hospital sebaik terkena tetakan tersebut. Oleh itu mahkamah mendapati tertuduh dan DW3 tidak bercakap benar dalam perkara ini.

Adakah tertuduh boleh menunggang motosikal

[94] Tertuduh mengatakan beliau tidak boleh menunggang motosikal pada malam kejadian disebabkan tangan tertuduh lemah kerana mengalami kemalangan jalan raya pada bulan Mei 2002 dan tertuduh telah menjalani rawatan psioterapi bagi tangannya dan tangan tertuduh masih tidak boleh memegang dan mengangkat benda berat termasuk parang yang dikatakan dalam kes ini. Bagi menyokong keterangannya itu, tertuduh mengemukakan dokumen D20, D21 dan D23 iaitu surat dan rekod perubatan rawatan ke atas tertuduh yang dikeluarkan oleh Hospital Alor Setar dan rekod perubatan daripada Hospital Bukit Mertajam.

[95] Laporan perubatan Jabatan Ortopedik dan Tromatologi Hospital Alor Setar bertarikh 27 Jun 2005 ('D21') mencatitkan bahawa tertuduh telah dimasukkan ke Hospital Alor Setar pada 10 Mei 2002 dan dibenarkan keluar pada 14 Mei 2002. Tertuduh mengalami kecederaan berikut, iaitu *Total cut at common extensor tendon and muscle and extensor dgitorum of right forearm*. Tertuduh telah diberikan rawatan berikut seperti berikut, iaitu *Wound debridement, exploration and repair done on 13.5.02.*

[96] Pada 5 Mei 2006 Hospital Bukit Mertajam menghantar surat kepada Tetuan Karupiah & Co, peguambela dan peguamcara bertajuk laporan perubatan ke atas Kunalan a/l Kandasamy. Surat tersebut ditandatangani oleh Dr Mahedzan bin Mat Rabi. Mahkamah membenarkan salinan surat tersebut ditandakan sebagai eksh D20 pembelaan tertakluk kepada pembuktian ke atas kebenaran kandungan butiran surat tersebut. Memandangkan pihak pembelaan tidak memangggil pegawai perubatan yang menandatangi surat D20 tersebut atau peguam daripada Tetuan Karupiah & Co bagi menjelaskan surat yang dialamatkan kepada mereka itu, maka mahkamah tidak menerima kandungan surat D20 tersebut sebagai keterangan yang *admissible* untuk diberi nilai berat.

[97] D23 pula adalah rekod asal rawatan tertuduh yang dikemukakan melalui saksi pembelaan DW5 yang bertanggung jawab menyelia rekod pesakit Hospital Bukit Mertajam. Mahkamah telah membenarkan rekod perubatan tertuduh dimasukkan ditandakan sebagai dokumen eksibit pembelaan setelah berpuas hati rekod tersebut adalah rekod asal dan berada di bawah jagaan dan

seliaan DW5. DW5 layak mengemukakan rekod tersebut di atas permintaan tertuduh sendiri yang ingin mendedahkan rekod laporan perubatannya yang disimpan oleh Jabatan Physiotherapy Hospital Bukit Mertajam. Rekod tersebut menunjukkan tertuduh telah hadir bagi rawatan psioterapi sebanyak tiga kali, iaitu pada 14 Julai 2002, 11 Julai 2002 dan 18 Julai 2002. Laporan tersebut mencatitkan kecederaan luka di tangan tertuduh adalah akibat *broken glasses* semasa kemalangan dan kecederaan tertuduh diklasifikasikan sebagai *soft tissue injury* dan rawatan terakhir pada 18 Julai 2002 mencatitkan *much better*. Walau bagaimana pun laporan tersebut tidak menyatakan adakah tertuduh berupaya mengangkat benda-benda berat dan tahap keupayaan tersebut.

[98] Keterangan DW4 iaitu juru pulih anggota Hospital Bukit Mertajam mengatakan bagi pesakit yang mengalami kecederaan *extensor* iaitu kecederaan di bahagian belakang tapak tangan, pesakit sedemikian tidak mengalami masalah untuk menggengam dan memegang sebarang benda. Keterangan DW4 ini tidak membantu kes pembelaan sebaliknya memberi faedah kepada pihak pendakwaan.

[99] Kejadian tetakan ke atas si mati berlaku pada 16 Februari 2003. Tempoh masa daripada kali terakhir tertuduh menerima rawatan psioterapi iaitu 18 Julai 2002 hingga 16 Februari 2003 adalah kira-kira tujuh bulan jaraknya. Tiada keterangan tertuduh menjalani rawatan lanjut psioterapi setelah tarikh 18 Julai 2002 tersebut tetapi mengikut tertuduh beliau tidak bekerja setelah mendapat kemalangan jalan raya kerana tangan kanannya lemah untuk memegang atau mengangkat benda berat. Tertuduh dengan itu menafikan berupaya memegang parang dan mengangkat parang dan menetak si mati pada malam kejadian di atas alasan tertuduh tidak berkeupayaan secara fisikal untuk berbuat demikian. Dengan kecacatan lemah tangan juga tertuduh mengatakan beliau tidak boleh menunggang motosikal dan dengan itu adalah tidak benar keterangan SP6 dan SP8 bahawa tertuduh telah datang ke tempat kejadian dua kali dengan menunggang motosikal. DW3 mengatakan beliau yang membawa motosikal dan tertuduh sebagai pembonceng pada malam kejadian dan beliau berada bersama tertuduh dari jam 8.30 malam hingga masa kejadian kira-kira jam 11.30 malam.

[100] Keterangan SP6 mengatakan tertuduh datang ke kawasan kedai makan berdekatan Blok M (Martel) pada awalnya dengan menaiki motosikal di mana berlakunya kejadian tertuduh menampar SP8 di tepi jalan berdekatan kedai makan tersebut. Tertuduh kemudiannya beredar dengan menaiki motosikal seorang diri selepas kejadian menampar itu dan selepas kejadian tertuduh ditampar oleh si mati. Kira-kira lima belas minit selepas beredar, tertuduh kemudiannya telah datang semula dengan menaiki motosikal secara berseorangan. SP6 melihat terdapat parang dalam motosikal tertuduh dan tertuduh memberhentikan motosikalnya berhampiran kedai makan dan

mengambil parang dari motosikalnya dan melibas-libaskan parang ke arah SP6, SP8 dan rakan mereka bernama Nor Asmadi dan tertuduh juga ada bertanyakan dimana perginya orang yang menampar dia tadi. SP8 juga memberi keterangan yang serupa dengan SP6.

[101] Setelah mahkamah ini menimbangkan keterangan yang terdapat, mahkamah mendapati keterangan SP6 dan SP8 adalah kredibel dan kukuh untuk diterima. Keterangan saksi pembelaan DW4 mengukuhkan lagi keterangan pendakwaan. Ketiadaan tertuduh mendapatkan rawatan lanjut dalam tempoh tujuh bulan selepas rawatan psioterapinya disifatkan oleh mahkamah sebagai keadaan yang menunjukkan tertuduh tidak lagi memerlukan rawatan psioterapi bagi tangan beliau tersebut. Jika keterangan SP8 diteliti, SP8 mengatakan tertuduh memegang parang dan menghayunkan parang semasa membuat tetakan dengan kedua-dua tangan. SP6 pula mengatakan tertuduh memegang parang dengan tangan kanan semasa melibas-libaskan parang ke arah SP6. DW4 di dalam pemeriksaan utama peguam mengatakan dengan kecederaan tertuduh seperti yang terdapat dalam rekod perubatan, tertuduh masih boleh *hold* dengan kuat. Semasa disoal balas oleh TPR, DW4 mengatakan pesakit iaitu tertuduh boleh *hold* dengan kuat kerana kecederaan tertuduh adalah di bahagian *extensor side* dan bukan di bahagian *flexor side*. *Flexor side* merujuk kepada bahagian tapak tangan hingga ke pergelangan tangan. Manakala *extensor side* merujuk kepada bahagian luar iaitu bahagian belakang tangan. Di atas keterangan pendakwaan yang ada dan keterangan DW4 yang telah berkhidmat sebagai juru pulih selama 31 tahun, mahkamah ini mendapati tertuduh berupaya menunggang motosikal pada tarikh kejadian. Tiada juga ditunjukkan tangan kiri tertuduh mengalami apa-apa masalah dan berfungsi baik. Jika pun tangan kanan tertuduh dikatakan masih tidak kuat untuk memegang barang berat tetapi mahkamah berpendapat ianya tidak menjadikan tertuduh hilang upaya untuk menunggang motosikal. Dengan yang demikian mahkamah mendapati keterangan tertuduh bahawa beliau tidak berupaya menunggang motosikal adalah tidak diterima di atas alasan yang mahkamah telah huraikan di atas tadi.

Adakah kecederaan di dada si mati akibat terkena parang yang dipegang oleh Raja atau terkena parang yang terpelanting semasa pergelutan atau ditetak oleh tertuduh

[102] Fakta dalam isu ini adalah yang terpenting untuk diputuskan oleh mahkamah ini.

[103] Tertuduh di dalam pembelaannya mengatakan Raja membawa parang semasa menerkam tertuduh dan hendak memotong tertuduh. DW3 juga mengatakan Raja ada membawa parang semasa menerkam ke arah DW3 dan tertuduh.

[104] Tertuduh mengatakan semasa si mati memegang tertuduh daripada belakang ketika itu tertuduh bergelut dengan si mati untuk tertuduh melepaskan diri dan sebaik tertuduh dapat melepaskan diri tertuduh mendengar jeritan dan tertuduh terus lari dari situ. Tiada keterangan daripada tertuduh yang tertuduh nampak bagaimana si mati mendapat kecederaan tetakan di dada.

[105] DW3 pula mengatakan ketika Raja sedang memegang parang dengan tangan kanan dan memegang bahagian hadapan baju tertuduh dengan tangan kiri, si mati telah datang memegang bahagian belakang badan tertuduh dan ketika itu juga tertuduh dan lelaki India (Raja) sedang merebut untuk memegang parang. DW3 mengatakan tertuduh telah menyiku si mati dengan siku kiri bagi melepaskan diri dan ketika itu parang tersebut telah terkebelakang dan terkena si mati dan DW3 bersama tertuduh terus melarikan diri.

[106] Semasa kes pendakwaan, peguam yang bijaksana sewaktu memeriksa balas saksi SP6 mencadangkan perkara berikut:

> Q. Pada masa itu Raja yang ambil parang dan cuba menghayun kepada Sakai.
>
> J. Tidak benar.
>
> Q. Sakai telah cuba menghalang dengan cara memegang tangan Raja.
>
> J. Tidak benar.
>
> Q. Saya katakan dalam pergelutan itu parang yang dibawa oleh Raja telah terlepas dari tangan Raja dan terkena kepada simati.
>
> J. Tidak setuju.

[107] Keterangan semasa pemeriksaan utama, SP6 mengatakan ketika Raja dan si mati tiba semula ke tempat kejadian, tertuduh yang ternampak si mati tiba telah terus meluru kepada si mati yang masih berada di atas motosikal Raja dan melibaskan parang kepada si mati dan si mati cuba melarikan diri tetapi kaki si mati tersangkut pada motosikal menyebabkan si mati jatuh kemudiannya semasa si mati sedang mengalihkan badannya untuk cuba bangun si mati telah kena tetakan tertuduh.

[108] Semasa pemeriksaan balas ke atas SP8, peguam yang bijaksana telah mencadangkan perkara berikut:

> Q. Saya katakan bila motosikal itu (motosikal Raja) sampai tertuduh telah berjalan ke arah motosikal itu.
>
> J. Tidak setuju. Tertuduh berlari.
>
> Q. Bila tertuduh sampai di motosikal itu Raja telah keluarkan parang.

J. Tidak benar, bukan Raja.

Q. Pada masa itu juga tertuduh telah tangkap tangan Raja dan berlaku pergelutan.

J. Raja yang tangkap tangan tertuduh bukan tertuduh tangkap tangan Raja.

Q. Pada masa itu parang itu telah terpelanting dan kena pada dada simati Abang Mat.

J. Tidak setuju.

[109] Keterangan semasa pemeriksaan utama SP8 mengatakan sebaik tertuduh tiba di situ, tertuduh telah datang kepada SP8 dan SP6 dan bertanyakan 'Mana you orang punya kawan, mana you orang punya kawan'. Semasa bertanya itu tertuduh ada membawa parang dan menghayunkan parang itu ke arah SP8 dan SP6. SP8 duduk ketakutan dan seketika kemudian Raja dan si mati telah sampai di situ dan tidak sempat lagi motosikal ditongkat tertuduh telah datang dan serang si mati dan motosikal Raja terbalik. SP8 melihat si mati merangkak-rangkak dan hendak berdiri dan tertuduh telah menakik si mati. SP8 melihat tertuduh memegang parang dengan tangan kanan dan masa tertuduh hayun parang kepada si mati tertuduh memegang parang dengan kedua-dua belah tangan. Selepas tetak si mati tertuduh telah lari dan SP8 melihat si mati tergolek. Laporan polis SP8 (P15) yang dibuat pada jam 12.30 malam iaitu malam yang sama selepas kejadian mencatitkan 'Lelaki India tersebut berlalu dan pada jam lebih kurang 11.30 malam 16/01/2003 lelaki India tersebut kembali semula dengan sebilah parang dan menetak Abang Mat. Abang Mat jatuh dan lelaki India tersebut melarikan diri'.

[110] Dari keterangan pembelaan yang terdapat, tertuduh tidak melihat bagaimana parang tersebut mengenai si mati kerana mengikut tertuduh sebaik berjaya melepaskan diri dari pegangan si mati beliau terdengar bunyi jeritan dan beliau terus lari dari tempat tersebut. Keterangan DW3 pula mengatakan ketika rebut merebut parang antara Raja dan tertuduh, si mati yang memegang tertuduh dari belakang telah terkena parang yang terkebelakang. Di peringkat pendakwaan pihak pembelaan mengatakan parang tersebut terpelanting dari pegangan Raja dan terkena si mati. Keterangan SP6 mengatakan beliau dengan jelas melihat tertuduh menetak si mati yang ketika itu sedang bangun apabila diserang oleh tertuduh. Keterangan SP8 pula mengatakan beliau dengan jelas melihat tertuduh menghayunkan parang dengan kedua-dua belah tangan dan mengenai dada si mati yang sedang merangkak-rangkak untuk berdiri.

[111] Setelah menimbangkan keterangan tertuduh dan DW3 dan melihat semula kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan SP6 dan SP8 dan laporan polis SP8 yang dibuat dengan segera selepas kejadian, mahkamah ini tiada keraguan untuk menerima keterangan SP6 dan SP8 sebagai saksi yang jujur. Keterangan SP6 dan SP8 adalah kredibel. Tiada keterangan oleh tertuduh yang

beliau ada menyiku si mati bagi melepaskan diri. Adalah juga dapatan mahkamah bahawa parang tersebut tidak dibawa oleh Raja ke tempat tersebut. Mahkamah menerima keterangan SP6 dan SP8 bahawa parang tersebut dibawa oleh tertuduh. Mahkamah juga menerima keterangan SP6 bahawa semasa tertuduh tiba semula ke kawasan kedai makan tertuduh hanya datang berseorangan dan bukan menumpang motosikal DW3. Adalah juga dapatan mahkamah bahawa perlakuan Raja hanya timbul di peringkat apabila tertuduh telah kena tetakan oleh tertuduh di mana Raja telah memegang tertuduh untuk merampas parang yang dipegang oleh tertuduh dan tertuduh segera melarikan diri selepas itu. Oleh yang demikian adalah juga dapatan mahkamah bahawa si mati tidak terkena parang yang 'terkebelakang' seperti keterangan DW3 dan tidak juga terkena parang yang 'terpelanting' yang cuba dikemukakan oleh pihak pembelaan semasa kes di peringkat pendakwaan. Di atas alasan-alasan yang mahkamah huraikan di atas, mahkamah tidak menerima keterangan tertuduh sebagai keterangan yang boleh dipercayai. Mahkamah juga telah menimbangkan adakah pembelaan tertuduh ini sesuatu yang berkemungkinan berlaku tetapi mahkamah mendapatinya tidak berkemungkinan seperti yang mahkamah ini telah huraikan di atas. Mahkamah juga tidak menerima keterangan DW3 yang mahkamah ini melihat dari tingkah lakunya semasa memberi keterangan adalah sangat tidak meyakinkan dan hanya seperti 'burung kakak tua' dalam mengiyakan keterangan pembelaan tertuduh. Mahkamah mendapati keterangan DW3 adalah suatu keterangan yang difikirkan terkemudian (*an afterthought*) dan hanya merupakan rekaan sahaja dan tidak boleh dipercayai. Mahkamah juga telah menimbangkan jika terdapatnya kemungkinan kebenaran dalam keterangan DW3 tersebut dan mendapatinya tiada kemungkinan kebenaran terhadapnya seperti yang mahkamah ini telah huraikan di atas.

Adakah DW2 saksi yang kredibel untuk keterangannya diterima

[112] Pihak pembelaan memanggil DW2 yang berumur 47 tahun semasa memberi keterangan bagi menyokong pembelaan tertuduh. Mengikut keterangan DW2 pada malam kejadian lebih kurang jam 10.15 malam Raja yang dikatakan adalah saudara beliau telah datang ke rumah DW2 di Kampung Dok untuk memberitahu apa yang berlaku pada malam itu. DW2 mengatakan Raja datang ke rumahnya kerana DW2 adalah ahli JKKK Kampung Dok.

[113] Di peringkat keterangan permeriksaan utama itu, peguam bertanyakan kepada DW2:

> Q. Apa Raja beritahu awak pada hari itu.
>
> J. Ada beritahu saya. Raja bila tiba depan rumah berlaku jeritan dan saya keluar dari rumah untuk jumpa dia.

[114] Keterangan DW2 dalam pemeriksaan utama seterusnya mengatakan:

> Raja menjerit sambil bertanya ke mana perginya Sakai dan memaki Sakai. Dia gunakan perkataan lucah. Saya lihat Raja dalam keadaan mabuk dan dalam keadaan marah. Raja beritahu saya, nak tetak Kunalan. Raja beritahu saya perempuan Melayu ditampar oleh Kunalan. Oleh itu Raja kehilangan pendapatan pada malam itu.

[115] DW2 mengatakan Raja datang bersama bersama seorang lelaki Melayu dengan menaiki motosikal yang ditunggang oleh Raja dan DW2 mengatakan motosikal itu sama seperti yang terdapat dalam gambar P11 (J) dan (K). Mendengar perkataan Raja tersebut, DW2 mengatakan beliau selaku ahli JKKK telah menasihatkan Raja supaya menghentikan perbuatannya. DW2 juga mengatakan Raja ada menyimpan parang dalam motosikal dan menunjukkan parang yang dibawanya kepada DW2 dan DW2 dapat melihat parang tersebut mempunyai lengkok di hujung mata parang dengan panjang kira-kira dua setengah kaki. Raja dan lelaki itu kemudian beredar dari kawasan rumah DW2.

[116] Mahkamah ini telah mempertimbangkan keterangan DW2. Pada awalnya DW2 mengatakan beliau telah menjadi ahli JKKK Kampung Dok sejak tahun 1990 hingga tahun 1996. DW2 kemudiannya membetulkan keterangannya bahawa beliau hanya menjadi ahli JKKK dari tahun 2000 hingga tahun 2006. DW2 mengemukakan kad ahli JKKK beliau bagi lantikan tahun 2005 hingga 2006. DW2 kemudiannya mengatakan pada tahun 2003 beliau masih menjadi ahli JKKK. DW2 membetulkan keterangannya dengan mengatakan keterangan beliau yang mengatakan menjadi ahli JKKK Kampung Dok dari tahun 1990 hingga 1996 adalah satu kesilapan. Selepas tahun 2006 beliau tidak lagi menjadi ahli JKKK. Di peringkat keterangan pemeriksaan utama DW2 beliau adakalanya merujuk orang yang dicari oleh Raja ialah Sakai dan adakalanya orang yang dimaksudkan oleh DW2 tersebut adalah Kunalan. Semasa pemeriksaan balas TPR, DW2 mengatakan Raja adalah adik kepada ipar DW2. TPR mencabar DW2 bahawa keterangan DW2 yang mengatakan Raja ada datang dan menjerit-jerit serta membawa parang dan menunjukkan parang tersebut adalah keterangan rekaan DW2 kerana pada malam kejadian itu Raja tidak ada berjumpa DW2, tetapi DW2 tidak bersetuju dengan nyataan TPR tersebut. Di akhir pemeriksaan balas TPR, soalan berikut telah ditanyakan kepada DW2:

> Q. Walau pun awak tahu Raja nak tetak orang tetapi sebagai ahli JKKK awak tidak bertindak lebih. Ini kerana cerita awak itu tidak benar berlaku.
>
> J. Saya tak setuju.
>
> Q. Awak tak bertindak kerana Raja tidak jumpa awak.
>
> J. Saya ada menasihati dia supaya jangan tetak Sakai."

[117] Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan DW2 dan melihat tingkah laku DW2 semasa memberi keterangan. Mahkamah dapati keterangan DW2 kerap tidak konsisten. DW2 tidak konsisten dalam keterangan tentang tempoh beliau menjadi ahli JKKK yang mana DW2 mengakui tersilap tempoh apabila mengatakan telah menjadi ahli JKK sejak tahun 1990 hingga 1996 apabila menyedari kejadian dalam kes berlaku pada tahun 2003. DW2 kemudiannya mengatakan beliau telah menjadi ahli JKKK sejak tahun 2000. Mahkamah dapati kad DW2 (D22) sebagai ahli JKKK hanya bagi tahun 2005 hingga 2006. Jika DW2 masih boleh menyimpan kad ahli tahun 2005 hingga 2006 yang mana sepatutnya dikembalikan semula kepada pejabat pengeluarnya, tiada penjelasan diberikan mengapa kad ahli bagi tahun 2003/2004 tidak dapat dikemukakan jika DW2 benar telah menjadi ahli JKKK sejak tahun 2000. Tiada apa-apa bukti lain dibawa bagi menunjukkan DW2 telah menjadi ahli JKKK sejak tahun 2000 dan pada masa kejadian tahun 2003 masih lagi menjadi ahli JKKK. Tempoh tahun 2003 tersebut adalah penting kerana DW2 mengatakan Raja mencarinya malam tersebut di atas kapasiti DW2 sebagai ahli JKKK ketika itu. DW2 juga tidak konsisten dalam keterangannya yang kadangkala merujuk tertuduh sebagai Kunalan dan kadangkala sebagai Sakai. Beliau telah kenal tertuduh sejak tertuduh kecil dan beliau juga kenal keluarga tertuduh, maka itu beliau tahu Kunalan dan Sakai yang beliau rujuk adalah orang yang sama. Mahkamah sendiri ada membuat catitan dalam nota keterangan seperti berikut 'Mahkamah: Keterangan saksi dilihat tidak konsisten'. Walaupun mahkamah mencatitkan DW2 sebagai saksi yang tidak konsisten, ini tidak bermakna mahkamah tidak perlu menimbangkan keterangan DW2. Mahkamah masih perlu menimbangkan keterangan DW2 tersebut dan menilainya dalam melihat sama ada ianya kredible dan boleh dipercayai atau berkemungkinan terdapat kebenaran oleh versi DW2 tersebut. Walaubagaimanapun setelah menimbangkan keterangan DW2 tersebut dengan kes pendakwaan, mahkamah dapati tiada sebab untuk Raja datang mencari Sakai di rumah DW2 hanya semata-mata kerana DW2 seorang ahli JKKK Kampung Dok. DW2 mengatakan Raja juga tinggal di Kampong Dok. Maka itu mahkamah berpendapat adalah lebih mudah Raja mencari tertuduh di rumah tertuduh sendiri daripada mencarinya di rumah DW2. Adalah tidak munasabah juga Raja dikatakan mabuk semasa menjerit-jerit dan marah-marah semasa berjumpa DW2. Jika Raja berkeadaan mabuk logiknya si mati tidak akan duduk sebagai pembonceng semasa datang ke Kampong Dok dan semasa mereka kembali semula ke kedai makan tempat kejadian. Jika Raja mabuk tidak kemungkinan juga Raja boleh melihat motosikal DW3 dan tertuduh yang datang dari arah yang bertentangan pada keadaan malam hari dan terus menerkam mereka. Adalah juga dapatan mahkamah bahawa Raja tidak mengeluarkan perkataan hendak menetak Sakai dan tidak menunjukkan parang kepada DW2. Keterangan SP6 dan SP8

dengan jelas mengatakan Raja tidak membawa parang selepas dipanggil ke kedai itu oleh si mati dan Raja juga tidak membawa parang apabila tiba semula ke kawasan kedai makan tersebut yang ketika itu tertuduh telah berada di kedai itu melibas-libaskan parang dan terus meluru kepada si mati yang masih berada di atas motosikal Raja dan akibatnya motosikal Raja yang tidak sempat ditongkat telah terjatuh dan si mati juga jatuh tersangkut sebelah kaki di motosikal yang jatuh itu. Keterangan pembelaan tentang adanya perjumpaan Raja dan DW2 juga tidak pernah diketengahkan semasa kes pendakwaan, maka itu tidak menghairankan mengapa TPR menghujahkan keterangan tersebut hanyalah rekaan DW2 sahaja. Pun demikian, mahkamah masih perlu menimbangkan keterangan DW2 tersebut yang telah berada di hadapan mahkamah ini. Dalam konteks ini dalam kes *Megat Halim Megat Omar v Public Prosecutor* [2009] 1 CLJ 154; [2009] 2 AMR 803, YA Abdul Hamid Embong JCA (beliau ketika itu) mengatakannya seperti berikut:

> (63) Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

[118] Di atas alasan-alasan yang mahkamah ini telah huraikan di atas, mahkamah meragui keterangan DW2 dan mahkamah dengan itu mendapati DW2 bukanlah saksi yang bercakap benar. Mahkamah mendapati DW2 adalah saksi dipanggil khusus oleh pihak pembelaan untuk menunjukkan Raja ada berjumpa beliau pada malam kejadian dan ada membawa parang yang melengkong hujungnya iaitu parang yang telah pada awalnya diberikan diskripsi oleh SP6 dan SP8. DW2 juga dalam keterangannya memburuk-burukkan watak Raja sebagi seorang yang suka bergaduh, seorang samseng dan tidak disukai oleh penduduk kampung itu sedangkan DW2 sendiri sejak kejadian hingga tarikh datang ke mahkamah untuk memberi keterangan tidak ada mengambil apa-apa tindakan yang sepatutnya sebagai ahli JKKK berkaitan kejadian yang berlaku khususnya ancaman Raja untuk menetak tertuduh pada malam itu. Adalah juga tidak munasabah untuk DW2 tidak mengetahui tertuduh telah menghilangkan diri daripada kampung tersebut selepas kejadian dan hanya dapat ditangkap pada 6 Disember 2004 (P13) iaitu jarak masa melebihi dari satu tahun kerana DW2 kenal tertuduh dan keluarga tertuduh sebagai penduduk sekampung. Jika benar DW2 menjadi ahli JKKK pada tahun 2003, DW2 sewajarnya tahu DW3 yang datang dari kampong yang sama telah menyerah diri kepada polis sebaik selepas kejadian, iaitu hari keesokan selepas kejadian. DW2 tidak membawa

sebarang keterangan tentang kejadian DW3 menyerah diri dan tertuduh menghilangkan diri dari kampung tersebut selepas kejadian. Tiada penjelasan adakah perkara ini terlepas dari pendengaran DW2 sebagai ahli JKKK dan relevan dengan kejadian Raja yang dikatakan datang berjumpanya pada malam kejadian. Tiada keterangan lain juga yang dapat menyokong keterangan DW2 tersebut. Mahkamah juga telah mempertimbangkan jika terdapat kemungkinan kebenaran ke atas keterangan DW2 tersebut tetapi mendapatinya tiada di atas alasan yang sama yang telah dihuraikan.

Adakah kegagalan memanggil Raja oleh pihak pendakwaan 'fatal'

[119] Mahkamah di peringkat akhir kes pembelaan juga menimbangkan semula adakah ketiadaan memanggil Raja di peringkat pendakwaan atau ketiadaan memanggil Raja oleh pihak pendakwaan bagi menyangkal (rebut) pembelaan diri tertuduh telah menjejaskan kes pendakwaan yang membolehkan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap kes pendakwaan di atas persoalan jika Raja dipanggil mungkin Raja akan memberi keterangan yang tidak memihak kepada pendakwaan. Peguam menghujahkan jika Raja dipanggil maka Raja akan dapat menjelaskan atau menafikan tentang parang yang dikatakan dibawa oleh Raja dan Raja memegang parang untuk memotong tertuduh. Mahkamah ini dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan telah mendapati dan memutuskan parang yang telah digunakan untuk menetak si mati tidak dibawa oleh Raja tetapi oleh tertuduh sendiri. Mahkamah telah memberikan alasan mengapa mahkamah mendapatinya sedemikian. Mahkamah memutuskan ketiadaan Raja dipanggil oleh pihak pendakwaan tidak menjejaskan 'subsratum' kes pendakwaan. Keterangan SP6 dan SP8 adalah nyata dan *overwhelming*. Oleh yang demikian s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai ke atas kes pendakwaan (*Munusamy v Public Prosecutor*).

Ketiadaan parang dikemukakan

[120] Berkaitan dengan isu bahawa tiada parang terlibat dijumpai, mahkamah ini berpendapat ketiadaan parang tersebut dijumpai atau dikemukakan di mahkamah tidak menjejaskan kes pendakwaan. Alasannya, keterangan SP6 dan SP8 serta doktor patalogi SP3 adalah jelas bahawa kecederaan si mati adalah akibat daripada kecederaan di dada yang dialaminya dari tetakan dengan parang. Mengikut SP3 kecederaan di dada si mati tersebut adalah konsisten dengan penggunaan senjata yang tajam ke atasnya.

Tingkah laku tertuduh selepas kejadian

[121] Mahkamah juga mengambil pertimbangan ke atas tingkah laku tertuduh selepas kejadian yang telah melarikan diri dari tempat kejadian dan terus menghilangkan diri sehingglah beliau ditangkap oleh SP4 di Taman Sentosa, Lunas, Kedah pada 6 Disember 2004 lebih kurang 1 tahun 10 bulan selepas tarikh kejadian. Laporan tangkapan tertuduh di P13. Tingkah laku tertuduh ini fakta yang relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. Tertuduh langsung tidak memberikan apa-apa penjelasan terhadap perkara ini (lihat s 9 Akta Keterangan 1950). Mengapa tertuduh perlu melarikan diri dari Kampung Dok dan keluarganya sedangkan tertuduh mengatakan beliau tidak boleh menunggang motosikal dan tidak boleh bekerja. Sebaliknya rakan tertuduh iaitu DW3 menyerah diri kepada polis pada keesokan harinya selepas tarikh kejadian. Dengan yang demikian tingkah laku tertuduh yang menghilangkan diri selepas kejadian tersebut dibuat kesimpulan (infer) oleh mahkamah sebagai tingkah laku yang tidak memihak kepada tertuduh. Jika tertuduh pada tarikh dan tempoh kejadian adalah seorang yang tidak berupaya untuk mengangkat dan memegang kuat apa-apa barang khususnya parang, tidak boleh bekerja dan tidak berupaya menunggang motosikal akibat daripada kemalangan jalanraya yang dialaminya seperti yang didakwanya di dalam pembelaan diri maka adalah lebih munasabah tertuduh tidak menghilangkan diri selepas kejadian tersebut tetapi sebaliknya wajar mengambil tindakan yang serupa seperti yang dilakukan oleh DW3. Tingkah laku tertuduh tersebut sepadanan dengan ilustrasi yang terdapat di bawah perenggan (i) s 8 Akta Keterangan 1950 (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 ; [2009] 1 CLJ 717.

[122] Kesimpulannya setelah mahkamah ini menimbangkan keterangan pembelaan diri tertuduh dan saksi-saksi pembelaan yang terlibat, dan setelah mahkamah ini membandingkan dan menimbangkannya dengan keterangan kes pendakwaan secara keseluruhannya, dan mengambil panduan daripada prinsip undang-undang yang disebutkan dalam kes-kes autoriti yang mahkamah ini telah sebutkan di atas, mahkamah mendapati pembelaan tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Perlakuan tertuduh juga bukanlah dalam melaksanakan satu pertahanan diri. Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah.

[123] Tertuduh dengan ini didapati bersalah seperti dipertuduhan dan disabitkan dengan pertuduhan tersebut. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang, mahkamah ini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap tertuduh. Tertuduh dengan ini diperintahkan dibawa ke

satu tempat bagi pelaksanaan hukuman dan tertuduh digantung dilehernya sehingga mati seperti yang diperuntukkan oleh s 277 Kanun Prosedur Jenayah.

Tertuduh disabitkan dan dihukum gantung sampai mati.

Reported by Kanesh Sundrum